


Jilid I
Bil. 49



Hari Khamis
17hb Julai, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5633]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5670]

USUL:

Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat (No. DR. 2 Tahun 1975) [Ruangan 5672]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan) [Ruangan 5677]

Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan) [Ruangan 5688]

Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) [Ruangan 5704]

UCAPAN TANGGUHAN:

Pemaju Perumahan Swasta [Ruangan 5728]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 17hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

Yang Berhormat DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.L.R. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERNIAGAAN INSURAN KEPADA BUMIPUTRA

1. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan lesen insuran yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra di Negeri Sarawak dan Sabah setakat ini, dan adakah kemungkinan lesen serupa itu dikeluarkan lagi kepada Bumiputra-bumiputra lain di negeri-negeri tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat berdaftar bagi menjalankan perniagaan insuran adalah dikeluarkan atas dasar bahawa perniagaan tersebut akan dijalankan di seluruh Malaysia dan tidak semestinya terhad kepada satu-satu Negeri atau Negeri-negeri tertentu sahaja. Dipandang dari segi ini, maka letak atau duduknya pejabat ibupejabat satu-satu syarikat itu tidaklah penting. Ada terdapat Bumiputra dari Sarawak dan Sabah menjadi pemegang saham syarikat-syarikat insuran berdaftar dalam negeri. Ada juga pemegang-pemegang saham ini terdiri daripada Bumiputra dari Semenanjung Malaysia.

Semua permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menubuhkan syarikat insuran yang baru adalah dipertimbangkan mengikut baik buruknya dan mengikut dasar Kerajaan yang ujud sekarang.

TALIVISIYEN BETERI KE KAMPUNG- KAMPUNG

2. Tuan Racha Umong minta Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membekalkan peti-peti talivisyen yang menggunakan kuasa beteri kepada Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu di kawasan pedalaman Bahagian Kelima Sarawak khasnya dan di

seluruh Sarawak amnya supaya rakyat jelata akan dapat mengikuti berita setiap hari dan melihat sendiri dalam TV akan kemajuan dan keadaan dalam negara di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, syor itu adalah baik dan memang ada sekim untuk membekalkan TV ke kampung-kampung pada tahun lalu tetapi oleh kerana perbelanjaannya terlalu mahal, Kerajaan terpaksa menangguhkan sekim itu untuk sementara waktu.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sekali lagi. Walaupun membekalkan peti-peti talivisyen ini terlalu mahal, tetapi lebih mahal juga kepada rakyat bumiputra yang tinggal jauh di hulu dan jauh daripada bandar tidak ikut serta melihat kemajuan di dalam Malaysia. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebetulnya di Sarawak ini belum ada TV lagi dan TV di Sarawak ini barangkali akan bermula pada bulan Ogos ini. Selepas itu nanti bolehlah saya bawa perkara ini ke atas.

PEJABAT POS DAERAH KECIL TANGKAK

3. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada Kementerian bercadang hendak membina sebuah Pejabat Pos baru untuk Daerah Kecil Tangkak, Johor bagi menggantikan Pejabat Pos sekarang yang telah usang dan tidak sesuai lagi bagi sebuah Daerah seperti itu, sedangkan kebanyakan pekan kecil lain telah mempunyai Pejabat Pos yang baru; dan
- (b) jika sedar, bilakah masanya akan dibina, dan mengapakah sudah begitu lama projek itu belum dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan sebuah Pejabat Pos baharu bagi Daerah Tangkak bagi

menggantikan Pejabat Pos yang ada sekarang ini telahpun dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

- (b) Adalah dicadangkan untuk membina-nya dalam tahun 1977 sekiranya per-untukan baginya diperolehi.

Cadangan untuk menggantikan bangunan Pejabat Pos Tangkak itu adalah diper-tingkatkan bersama-sama dengan per-untukan bagi Pejabat Pos-pejabat Pos untuk pekan-pekan yang belum lagi mempunyai Pejabat seperti itu dan penggantian bang-unan-bangunan Pejabat Pos yang lama dan telah buruk di pekan-pekan yang sudahpun mempunyai Pejabat Pos adalah diputuskan mengikut keutamaan serta peruntukan yang ada baginya.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tam-bahan. Tidakkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memikirkan dengan lebih cepat kerana setahu saya ada per-untukan tanah diberi kepada Pejabat Pos itu, tetapi oleh sebab Pejabat Pos hendak me-milih sangat dari satu tempat ke satu tempat sehinggakan hari ini tak didirikan, padahal kalau dibandingkan dengan kawasan yang jauh lebih kecil sudah mempunyai satu Pejabat Pos yang baru dan Tangkak satu sub-district yang besar sudah sepatutnya lebih dicepatkan pembinaannya. Menantikan tahun 1977 adalah satu program yang sangat lambat kalau dibandingkan dengan per-embangan di situ. Tidakkah boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memikirkan lebih cepat hendak buat di situ sebab Negeri sudah memberi tanah dan sebagainya.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan timbangkan perkara itu dan akan melaksanakan dengan secepat mungkin, sebagaimana kehendak Ahli Yang Berhormat itu sedaya-upaya yang boleh.

BAHASA MALAYSIA DI PAPAN TANDA PERNIAGAAN

4. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa tulisan-tulisan di papan-papan tanda perniagaan, kotak-kotak dan pembalut-pembalut barang buatan Malaysia masih dalam berbagai-bagai bahasa tidak dalam bahasa Malaysia sahaja. Ini tentulah tidak akan mengenalkan identiti Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam papan-papan tanda perniagaan, kotak-kotak dan pembalut-pembalut barang-barang buatan Malaysia adalah telah dan sedang dilakukan oleh badan-badan, pihak-pihak yang berkenaan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, kegunaan Bahasa Malaysia adalah banyak terbukti di tempat-tempat dan juga di barang-barang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, memandangkan kepada masih lagi perlu di dalam perniagaan-perniagaan yang tertentu bagi pengguna-pengguna dan berbagai-bagai rupa kaum dapat memahami dan mengetahui identiti barang-barang kedai-kedai dan barang-barang dijual di sesuatu kedai perniagaan, atau mutu barang yang diper-niagakan, maka masih ada kedai-kedai perniagaan atau kilang-kilang pengeluaran yang memerlukan kegunaan bahasa lain bersama-sama dengan Bahasa Malaysia.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Mengenai dengan tulisan di papan-papan tanda dan sebagainya, saya merasa sukacita benar tengok seperti di Kapal terbang MAS ada yang bertulisan Jawi dan ada yang bertulisan Rumi. Soalnya ialah mengapa tulisan ini (Jawi dan Rumi) juga tidak dikenakan di tempat-tempat lain?

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa dua tulisan tidak dibuat di tempat lain—Jawi dan Rumi?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya tidak bertanggungjawab dalam perkara MAS, ini Kementerian Perhubungan, tetapi tentang pertanyaan kenapa tidak di-galakkan, ini terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan mengadakan perniagaan dan sebagainya menentukan samada dia hendak ada satu tulisan ataupun dua.

BUMIPUTRA SEBAGAI WAKIL PENJUAL

5. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa pihak swasta tidak memberi sambutan baik terhadap rayuan Kerajaan meminta mereka mengambil kaum Bumiputra bekerja sebagai

wakil penjual atau pengedar mereka tetapi sebaliknya setengah daripada mereka menubuhkan syarikat-syarikat mereka sendiri sebagai wakil-wakil penjual atau pengedar dengan mengambil kaum Bumiputra sebagai pengurus tetapi sebenarnya syarikat-syarikat ini adalah dimodali dan ditadbirkan oleh mereka sendiri, dan jika ia, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi amalan salah ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa pihak swasta secara umumnya tidak memberi sambutan baik terhadap rayuan Kerajaan mengambil kaum bumiputra sebagai wakil penjual atau pengedar, ini tidaklah benar, kerana semenjak terlancarnya Dasar Ekonomi Baru, dan oleh kerana langkah-langkah yang telah diambil dengan kerjasama badan-badan swasta, maka bilangan kaum bumiputra yang terlibat di dalam bidang perniagaan sebagai wakil penjual dan pengedar adalah sekarang ini banyak hingggakan di dalam bidang-bidang yang tertentu bilangan kaum bumiputra yang terlibat secara betul-betul aktif adalah telah mencapai matlamat yang dituju iaitu sekurang-kurangnya 30%. Walau bagaimanapun, perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu di dalam mana setengah daripada mereka menubuhkan syarikat mereka sendiri sebagai wakil-wakil penjual atau pengedar dengan mengambil kaum bumiputra sebagai pengurus mungkin boleh berlaku terutamanya jika perlantikan wakil penjual atau pengedar itu dibuat atas nama Bumiputra dengan bukti-bukti, keterangan bagi permulaannya yang dikemukakan kepada Kementerian menunjukkan bahawa syarikat yang diangkatkan itu diselenggarakan sepenuhnya atau dari segi usaha sama oleh kaum bumiputra dengan pihak bumiputra yang mempunyai saham yang lebih. Jika Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti keterangan menunjukkan perkara ini berlaku terhadap satu-satu syarikat wakil penjual atau pengedar yang telah dilantik atas persetujuan sama oleh Kementerian, saya berterima kasih kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi bukti kenyataan itu kepada saya.

Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya adalah sentiasa mengawasi perkara ini dengan menyiasat perjalanan syarikat-syarikat wakil penjual ataupun

pengedar yang telah diangkat dengan persetujuan Kementerian saya. Wakil penjual ataupun pengedar yang telah dipersetujui dilantik menjadi wakil penjual atau pengedar yang bercorak syarikat bumiputra atau usaha sama aktif di antara bumiputra dengan kaum lain, dan Kementerian tidak ragu-ragu menarik balik persetujuannya jika didapati bahawa pihak bumiputra dalam syarikat itu yang sebenarnya tidak aktif di dalamnya tetapi hanya digunakan sebagai topeng (cover) membuktikan bahawa syarikat ini adalah syarikat yang diberi takrif ataupun makna sebagai sebuah syarikat bumiputra.

LUBANG-LUBANG DI JALAN-JALANRAYA

6. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan apa tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan supaya lubang-lubang di jalan-jalanraya tidak diabaikan kerana jika tidak ianya akan mendatangkan bahaya kepada lalu-lintas terutama pada waktu malam.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah secara umum. Tindakan-tindakan adalah sentiasa diambil oleh J.K.R. untuk menutup lubang-lubang atau lopak-lopak di atas jalanraya. Sepanjang yang saya ketahui semua jalan-jalanraya persekutuan adalah dijagai dengan rapi. Kerajaan telah memberikan peruntukan tertentu untuk penyelenggaraan jalan-jalanraya yang dibina termasuklah bagi kerja-kerja menampal lubang-lubang dan lain-lain.

Saya percaya jalan-jalanraya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalan-jalan kecil yang dibina oleh pihak berkuasa tempatan atau daerah yang tidak diselenggarakan oleh J.K.R. Mungkin Ahli Yang Berhormat dapat diberitahu pada satu masa kelak tentang jalan-jalan spesifik yang mempunyai lubang-lubang itu supaya kita bersama-sama memastikan samada jalan-jalan itu tertakluk kepada pihak J.K.R. Persekutuan dan jika ya, maka saya akan mengambil langkah-langkah membaikinya, dan sekiranya tertakluk kepada Perintah Kerajaan Negeri saya akan berhubung dengan Kerajaan Negeri supaya jalan-jalan itu dibaiki juga dengan secepat yang mungkin.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai memperbaiki lubang-lubang jalan-jalanraya ini, apakah dasar pihak Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan, adakah menunggu laporan datang daripada orang ramai baru hendak bertindak, ataupun pihak Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan mempunyai satu yunit khas pergi memeriksa segala jalan-jalan yang rosak.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, atas dasar ini saya fikir adalah simple juga. Pada tiap-tiap negeri kita ada melantik seorang Pengarah J.K.R. yang tugasnya sentiasa menjaga jalan-jalan yang sedia ada dalam negeri itu juga. Apabila sahaja dia dapat tahu sebarang jalanraya yang sudah rosak, itulah tugasnya mengambil langkah yang serta-merta dan membaikinya.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Selain daripada lubang-lubang di jalanraya itu terdapat juga di setengah-setengah jalanraya daripada Kuala Lumpur ke Kuantan yang diluaskan, tetapi jambatan yang lama yang sempit itu sempit begitu juga dan ada pula pagar besi, yang menyebabkan lalu-lintas di waktu malam sangat merbahaya. Soalnya, kenapa jambatan yang sempit itu masih juga sempit tidak diluaskan seperti mana jalanraya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soal pokok ini berkenaan dengan lubang-lubang, soalan tambahan ini hanyut kepada jambatan-jambatan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengawasi tentang jambatan-jambatan yang ada itu dan jika Ahli Yang Berhormat itu boleh memberitahu kepada saya tentang jambatan-sempit yang specific barangkali dapat diambil langkah-langkah untuk menyelesaikan perkara itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah daripada lubang ini adalah hasil daripada kerja yang dilakukan oleh setengah-setengah agensi Kerajaan dan ada juga agensi-agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk menampal lubang-lubang, bekas jalan-jalan yang telah dikorek. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar

bahawa koordinasi di antara agensi yang mengorek dengan agensi yang menampal adalah amat kurang?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham akan soalan tambahan itu mengorek lubang itu sudah dilakukan oleh pejabat-pejabat yang tertentu dan dibuat dengan sengaja supaya sesuatu perkhidmatan boleh disambungkan dan bukan disebabkan oleh kegunaan jalanraya yang telah mengakibatkan masalah lubang-lubang itu di timbulkan dalam soal pokok kita.

TATASUSILA KEHARMONIAN PER-USAHAAN (CODE OF CONDUCT FOR INDUSTRIAL HARMONY)

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa Tatasusila Keharmonian Perusahaan (Code of Conduct for Industrial Harmony) adalah satu dokumen yang tidak boleh dikuatkuasakan terhadap majikan; jika ya, nyatakan samada beliau bercadang membentangkan undang-undang supaya ianya boleh dikuatkuasakan ke atas majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang sama pada 11-7-75 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Walau bagaimanapun, saya suka mengulangi sekali lagi iaitu sebagai pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan, Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaya sebagai wakil-wakil para majikan dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia sebagai wakil-wakil para-pekerja, adalah sedar bahawa Tatacara tersebut adalah satu dokumen yang mempunyai tujuan yang baik. Perlibatan kedua-dua pihak majikan dan pekerja terhadap peruntukan-peruntukannya ialah secara sukarela dan pematuhannya adalah secara moral sahaja. Oleh yang demikian, bukanlah menjadi tujuan pihak-pihak yang berkaitan supaya tatacara ini mempunyai Kuasa Undang-undang disebaliknya. Saya rasa sukacita bahawa minat yang ditunjukkan oleh para pekerja dan majikan dan Kesatuan Sekerja mereka terhadap Tatacara

ini, dan sambutan mereka terhadap peruntukannya adalah menggalakkan. Ini memberi petanda baik di masa hadapan dan, sungguhpun sebagaimana yang dijangka terdapat beberapa aduan kerana tidak mematuhi peruntukan-peruntukannya, bukanlah tujuan samada pihak-pihak yang berkaitan ataupun Kementerian ini supaya tatacara ini dijadikan sebagai satu Undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Penyeliaan, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sendiri telah ditubuhkan untuk mengulangkaji kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam perlaksanaan Tatacara ini dan untuk menimbangkan aduan-aduan kerana tidak mematuhi peruntukannya. Jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil dari Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaya dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan juga pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya jikalau terdapat kes-kes yang mana pihak majikan telah melanggar Code Keharmonian Perindustrian?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jawab perlibatan kedua-dua pihak, majikan dan pekerja terhadap peruntukan-peruntukannya ialah secara sukarela dan pematuhannya adalah secara moral sahaja. Kalau majikan tidak mematuhi peruntukan-peruntukannya, Jawatankuasa Penyeliaan akan menggesa dan menasihatkan pihak-pihak yang berkenaan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan itu.

MAS—KURANGKAN TAMBANG KAPALTERBANG

8. Tuan Yang Siew Siang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau boleh berunding dengan pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk meminta dikurangkan tambang kapal-terbang bagi peserta-peserta sukan yang menyertai pertandingan-pertandingan sukan di peringkat Daerah, Bahagian dan Negeri

terutama sekali bagi peserta-peserta Sabah dan Sarawak kerana kesusahan perhubungan di Negeri-negeri ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah berhubung dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk meminta dikurangkan tambang kapal-terbang bagi peserta-peserta sukan yang menyertai pertandingan-pertandingan sukan dan sedang menunggu jawapan ketika ini.

ROMPAKAN BERSENJATA—HUKUMAN

9. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang beberapa kejadian kecurian dan rompakan yang menggunakan senjatapi moden berlaku di negara ini baru-baru ini yang mengakibatkan beberapa orang awam menjadi mangsa; dan jika ya, nyatakan jumlah bilangan mangsa-mangsa rompakan tersebut semenjak bulan Januari, 1974 hingga sekarang dan apakah langkah-langkah yang positif yang sedang dan akan diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada penjenayah-penjenayah yang menggunakan senjatapi seperti pistol dan revolver semasa melakukan kegiatan durjana mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kejadian rompakan bersenjata adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1974	455
1975 (hingga 31-5-75)	312

Kerajaan sudahpun dan akan terus mengambil langkah-langkah yang ketat bagi membenteras kejadian ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telahpun meluluskan beberapa pindaan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) dengan mengenakan hukuman penjara seumur hidup dengan rotan atau hukuman mati ke atas perompak-perompak yang menggunakan senjatapi dan juga mereka yang didapati salah memiliki senjatapi secara haram.

Pada 15-7-1975 Dewan ini telahpun meluluskan pindaan Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) yang membolehkan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen mendengar kes-kes samun dengan senjatapi yang selama ini hanya boleh dibuat oleh Mahkamah-mahkamah Tinggi sahaja.

Di samping itu pihak Polis sentiasa melancarkan serbuan ke sarang-sarang kongsi gelap sebagai langkah membenteras kegiatan-kegiatan mereka. Namun begitu, kerjasama dan sokongan dari orang ramai adalah amat penting untuk sama-sama memikul tanggungjawab dan membenteras kejadian-kejadian ini.

FAMA—CAWANGAN DI SARAWAK

10. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan bagi menubuhkan cawangan FAMA di Sarawak untuk menasihati peladang-peladang tentang pemasaran sayur-sayuran secara borong dan runcit di negeri itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, FAMA sudahpun mengadakan pejabat cawangannya di Negeri Sarawak yang bertempat di Kuching semenjak tahun 1968 lagi, untuk antara lain, menasihati peladang-peladang tentang pemasaran sayur-sayuran secara borong dan runcit di negeri itu. Seramai 4 orang pegawai ditempatkan di sini bagi maksud-maksud yang saya sebutkan tadi, selain daripada 19 orang yang lain yang ditempatkan dengan Lembaga Pemasaran Lada Hitam.

FAMA juga bercadang membuka 4 lagi pejabat di Sarawak iaitu di Sibul, Sarikei, Miri dan Simanggang.

TIKIT PALSU LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan berikutan dengan laporan Polis bernombor 181/74 mengenai jualan Tiket palsu Loteri Kebajikan Masyarakat yang berlaku di Tanjung Tualang, Perak, pada tahun yang lalu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, siasatan terhadap kes tersebut masih diteruskan bagi mengesan penjualan tiket palsu tersebut untuk tindakan sewajarnya di bawah Seksyen 468—Pemalsuan bagi maksud hendak menipu Kanun Kesiksaan.

KILANG KERTAS PAPAN— PENUBUHAN

12. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada suatu kajian kemungkinan bagi menentukan penubuhan kilang-kilang membuat kertas papan (cardboard) daripada jerami padi akan dijalankan di Sarawak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak ada rancangan untuk menjalankan kajian kemungkinan di Sarawak untuk menentukan penempatan perusahaan kilang-kilang membuat kertas papan (cardboard) dari jerami padi. Walau bagaimanapun, jika ada pelabur-pelabur yang berminat, terutamanya pelabur-pelabur dari Kaum Bumiputra, yang merasai bahawa prospek mendirikan kilang ini di Sarawak adalah cerah, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan Kementerian saya bersedia menimbangkan permohonan-permohonan untuk membantu menjalankan kajian kemungkinan bagi mengadakan projek tersebut.

ORDINAN PEKERJAAN—KONTREK PEKERJA

13. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah Seksyen 17 Ordinan Pekerjaan, 1955, mengenai penamatan perkhidmatan isteri/suami seorang pekerja bila pekerja itu diberhentikan, akan dimansuhkan, kerana seksyen ini sudah lapok dan bercanggah dengan kepentingan pekerja.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pekerjaan, 1955 adalah sekarang dalam proses pindaan dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi memansuhkan Seksyen 17 dalam Akta tersebut yang menyatakan bahawa di mana kontrek perkhidmatan di antara seorang majikan dan pekerja itu ditamatkan, apa-apa juga kontrek perkhidmatan antara Majikan dan suami atau isteri pekerja itu

akan juga ditamatkan, kecuali suami atau isteri pekerja itu, dalam tempoh 48 jam selepas penamatan kontrak pekerja itu, memberitahu majikan bahawa beliau berkehendakkan kontrak tersebut terus dikuatkuasakan.

YUNIT RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

14. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan samada terdapat rancangan hendak mendirikan sebuah mesin buah pinggang di Hospital Besar Kuching.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bercadang mengadakan sebuah Yunit Rawatan Penyakit Buah Pinggang di Hospital Umum Kuching Sarawak dan peruntukan wang bagi tujuan ini sedang dipohon.

WANG PERTARUHAN (DEPOSIT) L.L.N./TALIKOM/J.K.R.

15. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang pertaruhan (deposit) yang tidak dituntut dari L.L.N., Talikom, J.K.R., dll. dan adakah sesuatu rancangan untuk menggunakan wang tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang pertaruhan (deposit) yang tidak dituntut adalah seperti berikut:

(a) Lembaga Letrik Negara	\$1.4 juta
(b) Jabatan Talikom ...	\$121,514
(c) Jabatan Kerja Raya Persekutuan	\$42,922

dan yang lain-lain \$1,694,397 iaitu wang yang kira-kiranya disimpan oleh Akauntan Negara Malaysia. Wang pertaruhan yang disimpan oleh Jabatan-jabatan Negeri tidak termasuk dalam jumlah tersebut.

Wang pertaruhan yang tidak dituntut ini adalah diselenggarakan mengikut peraturan Undang-undang Unclaimed Moneys Act, 1965 yang telah dikuatkuasakan mulai 1hb Jun, 1975. Wang ini akan digunakan sama seperti lain-lain jenis hasil Kerajaan sekiranya iaitu tinggal tidak dituntut mengikut Undang-undang tersebut.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan tadi bahawa wang-wang yang tidak dituntut itu ada di dalam simpanan Akauntan Negara Malaysia, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa di dalam satu penerangan yang dibuat oleh Accountant-General selaku Registrar of Unclaimed Moneys ada mengatakan bahawa the Government will also be able to make use of the money in the public interest. Jika begitu, bolehkah Kementerian mengatakan apakah yang dimaksudkan boleh digunakan wang untuk public interest itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sepertimana yang saya sebutkan tadi jika sekiranya wang pertaruhan ini disimpan terlampau lama dan tidak ada orang yang datang untuk meminta wang itu, maka wang itu dianggap sebagai jenis hasil juga dan terpulang kepada Kerajaan untuk menggunakan bagi faedah rakyat Malaysia.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Bolehkah Kementerian yang berkenaan mengatakan bahawa public interest itu boleh dianggap bantuan-bantuan kepada peniaga-peniaga kecil sebagai pinjaman dan sebagainya yang boleh diberi tanpa faedah?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Jenis wang ini boleh dikatakan hasil Kerajaan dan Kerajaan bolehlah memberi peruntukan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dilaksanakan projek-projek termasuklah projek-projek untuk memberi bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, tetapi maksud saya bukan wang ini disimpan khas untuk peniaga-peniaga kecil.

FELDA—KILANG KELAPA SAWIT

16. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan tertubuhnya kilang kelapa sawit di Rancangan Felda Taib Andak telah menimbulkan masalah-masalah yang mesti diatasi dengan segera. Selain daripada bunyinya yang bising, peneroka-peneroka di situ adalah terjejas dari segi kesihatan disebabkan kekotoran yang datang dari kilang tersebut dan jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa dengan tertubuhnya sebuah kilang kelapa sawit di satu-satu kawasan FELDA maka sudah tentu menimbulkan sedikit kekotoran udara dan sebagainya. Sungguhpun demikian kilang kelapa sawit yang didirikan di Rancangan Taib Andak itu adalah bagi memproses buah-buah kelapa sawit yang dikeluarkan oleh peneroka-peneroka rancangan itu sendiri. Sekiranya kilang ini didirikan di satu tempat yang berjauhan maka sudah tentu perbelanjaan pengangkutan buah kelapa sawit yang ditanggung sendiri oleh peneroka-peneroka akan meningkat dan membebaskan peneroka-peneroka itu sendiri. Walau bagaimanapun, kilang kelapa sawit di rancangan Taib Andak telah ditempatkan di kawasan yang mengelakkan kekotoran berlaku kepada punca bekalan air minuman penduduk-penduduk di situ. Tindakan adalah sentiasa diambil untuk mengurangkan kekotoran daripada asap dan habuk tetapi ini tidak boleh dibasmikan sama sekali.

Tuan Embong bin Yahya: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan selain daripada masalah kekotoran di kilang-kilang kelapa sawit ini ada berlaku pertengkaran di antara Pengurus kilang itu dengan pekerja-pekerja tidak puas hati dengan sebab masa bekerja, bayaran wang dan kadang-kadang pertengkaran itu membawa kepada perkauman?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Itu soalan lain.

KILANG GULA—MENUBUHKAN

17. Tuan Edwin anak Tangkun (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang untuk menubuhkan lebih banyak lagi kilang-kilang gula di Malaysia terutama sekali di Sabah dan Sarawak, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya boleh Kerajaan memang mahukan lebih banyak lagi kilang-kilang gula ditubuhkan di negeri ini untuk memastikan pengeluaran

gula yang secukupnya untuk rakyat. Walaupun begitu, perlulah saya jelaskan di sini bahawa penubuhan satu-satu "integrated sugar project" adalah memerlukan beberapa faktor alam sekeliling untuk membolehkan ianya dilaksanakan dengan jayanya. Sekurang-kurangnya 20,000 ekar tanah adalah diperlukan dan tanah tersebut hendaklah di dalam bentuk yang lebih kurang rata dan sesuai dari segi bentuk penanaman tebu. Dalam pada itu kawasan tersebut hendaklah mempunyai cuaca yang sesuai di mana ianya haruslah mempunyai masa panas yang secukupnya untuk memasak pokok-pokok tebu tersebut.

Satu kajian untuk mendirikan kilang gula telah dibuat di Sarawak tetapi telah didapati bahawa tanah dan cuaca di negeri tersebut adalah tidak berapa sesuai bagi menanam tebu. Di sini perlu juga saya jelaskan bahawa penubuhan "integrated sugar project" adalah atas daya (initiative) sektor swasta dengan kerjasama Perbadanan-perbadanan Kemaajuan Ekonomi Negeri. Sekiranya pengusaha-pengusaha tersebut sanggup dan berkemampuan untuk mendirikan projek kilang gula itu, Kerajaan akan bersedia untuk memberikan galakan yang sewajarnya dan memberikan pertolongan agar ianya dapat dijayakan.

SUBSIDI LADA HITAM (PEPPER)

18. Tuan Edwin anak Tangkun (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengapa sekim-sekim subsidi lada hitam (pepper) yang dilaksanakan di Sarawak tidak berjaya dan apa sebabnya pemberian subsidi-subsidi dalam bentuk baja, racun serangga dan racun cendawan tidak diberi dengan sempurna kepada orang-orang yang benar-benar memerlukannya.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bagi Ahli Yang Berhormat dari Saratok menyatakan yang sekim subsidi lada hitam yang dilaksanakan di Sarawak tidak berjaya tanpa menimbangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan sekim ini. Saya telahpun menerangkan perkara ini tat kala menjawab soalan daripada rakan SNAP Ahli Yang Berhormat, iaitu dari Bau-Lundu pada 29-1-74. Keadaan sekarang beransur baik dan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

memerlukan masa bagi menyelesaikan semua tangguhan bekalan baja yang tidak dapat dijelaskan dahulu.

Racun cendawan dibekalkan sebagai bantuan bagi tujuan mengawal sejenis penyakit bernama busuk pangkal lada hitam. Jabatan Pertanian sedang bekerja rapat dengan pihak MARDI untuk mengatasi penyakit ini untuk meniggikan lagi pendapatan petani-petani dan mengurang perbelanjaan tanaman dan perbelanjaan negara.

Pemberian subsidi ini bertujuan supaya seberapa ramai penanam-penanam lada hitam ini dapat menikmatinya. Oleh sebab keadaan kekurangan bekalan yang dihadapi, nescaya ada mereka yang benar-benar memerlukan nya belum dapat bantuan lagi. Walau bagaimanapun, perkara ini diharap akan dapat diatasi.

UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA— PERMOHONAN MASUK

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan permohonan-permohonan untuk masuk ke universiti-universiti di Malaysia yang diterima untuk tahun 1975/1976 dan bilangan pemohon-pemohon yang berjaya, dan nyatakan samada bantuan diberi untuk menempatkan pemohon-pemohon yang tidak berjaya itu di institut-institut lain.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan permohonan yang diterima untuk memasuki universiti-universiti di Malaysia pada tahun 1975/76 ialah 12,614 dan jumlah permohonan-permohonan yang ditawarkan tempat di universiti-universiti di Malaysia ialah 4,892. Pemohon-pemohon yang tidak berjaya boleh membuat permohonan-permohonan ke institusi-institusi lain, samada di dalam negeri atau di luar negeri.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu tentang bilangan pemohon-pemohon yang berjaya, berapa percentage untuk bumiputra dan berapa percentage pula untuk kaum China dan lain-lain?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa saya telah memberi jawapan secara bertulis berkenaan dengan perkara ini. Tetapi saya tidak ada

angka-angka tersebut di sini. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu, saya dapat memberi angka-angka berhubung dengan semua kemasukan dalam universiti di dalam dan di luar negeri untuk kenyataan Ahli Yang Berhormat.

PERAIRAN PADI DI TANJONG KARANG

20. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah selanjutnya yang telah diambil untuk mempercepatkan masa sepuluh tahun kepada lima tahun dalam memperbaiki sistem perairan yang ada sekarang dalam kawasan padi di Tanjong Karang dengan memberi kemudahan-kemudahan jalanraya kepada petani-petani di kawasan tengah; dan
- (b) apakah akan terjadi kepada kilang padi di Batu 2, Pasir Penambang yang sekarang ini berkongsi dengan L.P.N. apabila kompleks L.P.N. Tiram dan di Sekinchan siap kelak.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perlaksanaan rancangan tersebut di kawasan pengairan Tanjong Karang adalah satu kerja yang kompleks. Kawasan padi seluas 49,000 ekar ini misalnya memerlukan pembinaan tambahan taliair-taliair konkrit sepanjang 292 batu, memperbaiki parit-parit yang sedia ada dan mengubah taliair menjadi parit sepanjang 147 batu dan pembinaan pintu-pintu air, pemetong-pemetong dan lain-lain sebanyak 280 buah. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk mengurangkan tempoh perlaksanaan itu kepada lima tahun tanpa menimbulkan gangguan yang besar kepada penanaman padi dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan di kawasan tersebut, yang mana akan mengakibatkan banyak kesusahan kepada kaum petani yang bergantung sepenuhnya kepada penanaman padi untuk sara hidup mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar adalah memberi perhatian untuk mencari ikhtiar-ikhtiar bagi mengurangkan

tempoh pembinaan seberapa yang boleh, dengan tidak mengganggu aktiviti-aktiviti penanaman padi di kawasan itu.

Kemudahan-kemudahan jalanraya sememangnya dipertimbangkan bagi petani-petani di kawasan tengah. Keadaan sekarang terdapat kemudahan jalanraya yang jaraknya satu batu di antara satu dengan lain memangnya tidak memuaskan. Ini akan diperbaiki dengan mengurangkan jaraknya jalanraya ini menjadi $\frac{1}{2}$ batu apabila siapnya kerja-kerja pengubahan taliair yang ada sekarang menjadi parit. Permukaan tanah-tanah tepi parit yang saya maksudkan ini akan dibubuh tanah "laterite". Di antara parit-parit besar ini juga akan dibina taliair-taliair kecil yang boleh digunakan tepinya bagi kemudahan-kemudahan pengangkutan kecil.

- (b) Kedudukan kilang padi di Batu 2, Pasir Penambang itu tidak terjejas dengan adanya kompleks-kompleks baru L.P.N. di Ulu Tiram dan di Sekinchan itu. Perkongsian L.P.N. dengan Persatuan Syarikat-syarikat Kerjasama Kilang Padi Tanjong Karang akan terus menjalankan operasinya sebagaimana yang terkandung di bawah Perjanjian Perkongsian. Kajian-kajian menunjukkan terdapat bekalan padi yang cukup bagi kilang-kilang ini, tambahan pula dengan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan meninggikan lagi pengeluaran padi bagi tiap-tiap ekar tanah sawah yang ada.

KELAPA—KEJATUHAN HARGA

21. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar tentang jatuhnya harga kelapa di negara ini sekarang, dan jika ya, bilakah beliau bercadang hendak menyenaraikan kelapa sebagai satu daripada keluaran utama negara ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga kelapa kering dan kelapa di negara ini telah jatuh pada masa sekarang. Sebab-sebab kejatuhan harga telah saya jelaskan tat kala menjawab pertanyaan-pertanyaan

daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat mengenai perkara ini pada 8hb Julai dan Ahli Yang Berhormat dari Semerah pada 11hb Julai yang lalu.

Pertanyaan bilakah Kementerian ini bercadang hendak menyenaraikan kelapa sebagai satu daripada keluaran utama negara ini adalah kurang jelas maksudnya. Perusahaan kelapa sudah memang menjadi salah satu perusahaan utama negara ini sekarang.

GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

22. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan nama-nama Sekolah Rendah dan Menengah dalam Wilayah Persekutuan yang sudah dan belum ada guru-guru U gama.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 87 sekolah-sekolah rendah dan 42 sekolah-sekolah menengah dalam Wilayah Persekutuan yang sudah ada guru agama. Oleh kerana bilangan ini terlalu banyak, saya percaya memadai jika saya menyatakan nama-nama sekolah yang masih belum mempunyai guru-guru agama lagi. Sekolah-sekolah yang belum mempunyai guru agama ialah:

Sekolah Rendah—

1. Sekolah Kebangsaan Batu Lanjam (untuk orang-orang Asli).
2. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Air Panas.
3. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Convent Bukit Nenas (2).
4. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Pudu (2).

Sekolah Menengah—

1. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chong Hwa Gombak.
2. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Confucius Jalan Davidson.
3. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jinjang.
4. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pudu, Jalan Foch.
5. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Vivakananda, Brickfield.
6. Sekolah Menengah Vokesyenal Sains Rumah Tangga.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi sebuah kawasan seperti Wilayah Persekutuan yang terkenal dengan banyak kejadian-kejadian kerosakan moral, tidakkah merupakan satu kecuaiian yang besar jika sekiranya sekolah menengah, sekolah rendah, lebih-lebih lagi sekolah convent tidak ujudnya guru-guru ugama?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya kita tidak menempatkan guru ugama di sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi ialah oleh kerana bilangan penuntut-penuntut yang beragama Islam di dalam sekolah-sekolah itu kurang daripada 15.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Walaupun itu jawapannya daripada Yang Berhormat Menteri, tetapi apakah langkah pihak Kementerian, adakah ingin membiarkan anak-anak itu dengan tidak berpengetahuan ugama terus-menerus atau apakah satu tindakan yang akan diambil?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bilangan mereka terlalu sedikit, kita tidak dapat menempatkan guru ugama di sekolah-sekolah ini, tetapi murid-murid yang beragama Islam yang ingin mendapatkan pelajaran ugama, bolehlah pergi ke sekolah-sekolah yang berdekatan dan pihak Kementerian akan membuat susunan supaya mereka dapat menghadiri kelas-kelas ugama.

BELIA-BELIA KE CHINA—LAWATAN SAMBIL BELAJAR

23. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu lawatan sambil belajar bagi belia-belie Malaysia ke Republik Rakyat China, jika ya, bila.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya belum lagi bercadang untuk mengadakan lawatan sambil belajar tersebut.

FAMA MEMASARKAN HASIL DESA

24. Raia Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau berpuashati

dengan peranan yang dimainkan oleh FAMA mengenai pemasaran hasil-hasil desa; jika tidak, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelaraskan peranan FAMA, supaya sejajar dengan rancangan pembangunan luar bandar Kerajaan terutamanya di dalam usaha menjadikan Rancangan Buku Hijau suatu kejayaan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh FAMA setakat ini, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa perjalanan FAMA ini tidak boleh diperbaiki daripada masa ke semasa mengikut keadaan dan pengalaman-pengalaman baru yang dialaminya.

Pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sentiasa kita ucapkan terima kasih untuk membaiki perjalanan FAMA ini.

MAJLIS TEMPATAN/J.K.R. DAN JABATAN PARIT DAN TALIAIR—MENYATUKAN PENTADBIRAN

25. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau akan menyatukan pentadbiran Majlis Tempatan, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Tali Air memandang kepada hal bahawa kerja-kerja memarit dan jalanraya tidak dijalankan dengan serentak pada masa ini. Jika tidak, apakah peraturan-peraturan lain yang telah dibuat.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah sebenarnya maksud cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair disatukan. Jabatan-jabatan ini adalah di dalam bidang kuasa Kementerian-kementerian berlainan dan menjalankan kerja-kerja dan projek-projek bagi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Jabatan-jabatan tersebut adalah juga diminta untuk membantu Penguasa-penguasa Tempatan yang tidak mempunyai kakitangan profesional dan teknikal dengan secukupnya untuk menjalankan projek-projek mereka sendiri. Penguasa-penguasa Tempatan yang

lebih besar seperti Lembaga-lembaga Perbadanan-perbadanan dan Pentadbiran-pentadbiran Bandaraya mempunyai bahagian-bahagian mereka sendiri untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian itu sedar dengan kerana tidak adanya penyatuan pentadbiran di antara ketiga-tiga Jabatan yang telah saya terangkan tadi:

Pertamanya, adalah membanyakkan kewangan bagi pihak Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Keduanya, dengan sebab tidak ada penyatuan pentadbiran, pada satu masa katakanlah Jabatan Parit membersihkan parit, sedangkan Jabatan Kerja Raya tidak pula mahu membersihkan di tepi-tepi parit. Jadi, kadang-kadang satu tempat itu satu dibersihkan, satu lagi semak, satu lagi dibersihkan, satu lagi semak. Ini adalah mengganggu orang ramai untuk menggunakan jalanraya atau menggunakan satu-satu tempat sebagaimana yang telah saya katakan tadi. Maka itulah saya mengemukakan soalan sekiranya pihak Kerajaan dapat menyatukan pentadbiran ini adalah lebih teratur dan lebih kemas kepada satu-satu projek yang hendak dijalankan tidaklah bertingkat-tingkat ataupun berlapis-lapis.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahan Yang Berhormat?

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Adakah Kementerian itu sedar?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar langkah-langkah telah diambil supaya Kerajaan Tempatan berhubung dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyelenggarakan kerja-kerja itu.

PERKHIDMATAN BAS—MEMBAIKI

26. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan bas selepas kenaikan tambang bas baru-baru ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama pun telah saya jawabkan di Dewan ini pada 15hb Julai

tahun ini ketika menjawab pertanyaan mulut daripada Ahli Yang Berhormat dari Saratok dan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dijemput membaca jawapan tersebut untuk menjimatkan masa Dewan ini.

PROJEK PEMBANGUNAN DI SABAH

27. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa banyak projek pembangunan di Sabah yang masih lagi belum disiapkan mengikut perjanjian, apakah penalti yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor yang tidak menyiapkan projek-projek itu dalam masa yang ditetapkan;
- (b) adakah Kerajaan berpuas hati ke atas kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menyiapkan projek-projek pembangunan yang telah diberikan kepada mereka; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa projek-projek yang telah disiapkan oleh kontraktor-kontraktor itu tidak sempurna perbuatannya tetapi telah diluluskan oleh Kerajaan; jika ya, nyatakan bilangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat itu nampaknya terlalu umum untuk diberi jawapan yang tepat. Apa yang berlaku ialah hampir kesemua projek-projek yang gagal untuk membuat kemajuan mengikut tempoh yang dijadualkan di negeri Sabah adalah disebabkan oleh beberapa faktor-faktor tertentu di mana setengah-setengahnya layak untuk diberi tambahan masa untuk menyiapkannya seperti disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk, kekurangan dan kenaikan harga bahan-bahan binaan, lewat penyampaian bahan-bahan dan peralatan-peralatan yang diimpot dan sebagainya. Jika sekiranya maksud Ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan projek-projek pembangunan di mana pemborong-pemborong telah gagal untuk memenuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak kontrak mereka dan kontrak mereka telah dibatalkan, saya diberitahu bahawa semenjak 1hb Jun tahun 1973 sebanyak 13 kontrak Kerajaan di Sabah telah dibatalkan. Dalam kes kes ini penalti-penalti yang dikenakan ialah pemborong-pemborong dikehendaki membayar kepada

Kerajaan perbezaan kos untuk menyiapkan kontrek yang berkenaan itu setelah tawaran dipanggil semula dan wang cagaran bank mereka dilupuskan (forfeited). Tindakan untuk menamatkan kontrek adalah diambil oleh Kerajaan jika sekiranya didapati benar-benar Kerajaan tidak berpuas hati dengan perjalanan pemborong-pemborong di dalam kerja-kerja mereka. Itulah jawapan bagi (a) dan jawapan bagi (c) Kerajaan tidak menyedari terdapatnya projek-projek yang tidak mengikut kehendak-kehendak kontrek telah diterima sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat sanggup menyebutkan kes-kes tertentu saya akan mengarahkan supaya penyiasatan dijalankan ke atas kes tersebut dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil kepada mereka yang bertanggungjawab.

PERUSAHAAN FILEM BUMIPUTRA— BANTUAN KERAJAAN

28. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah pandangan Kerajaan terhadap perusahaan filem Bumiputra pada masa sekarang: nyatakan bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka;
- (b) samada Kerajaan akan meluluskan hanya pawagam-pawagam kepunyaan kaum Bumiputra sahaja didirikan di Malaysia pada masa hadapan sehingga satu tarikh yang akan ditentukan kelak, dan jika tidak, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menambah bilangan pawagam-pawagam kepunyaan kaum Bumiputra supaya setanding dengan yang bukan Bumiputra;
- (c) samada Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kumpulan wang dengan tujuan untuk menggalakkan perkembangan perusahaan filem Bumiputra, dan jika ya, nyatakan dasar-dasar Kerajaan mengenai perkara ini; dan
- (d) samada benar bahawa kebanyakan dari pawagam-pawagam di negara ini adalah samada dipunyai oleh orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat asing, dan jika ya, berikan nama

orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat asing dan bilangannya dan juga dasar-dasar Kerajaan mengenai perkara ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menganggap bahawa perusahaan filem bagi kaum bumiputra di negara ini adalah mempunyai satu potential tetapi pada masa ini sedang di dalam keadaan yang sangat lemah dan memerlukan bantuan yang sewajarnya. Kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan-bantuan berikut kepada mereka:

- (i) Kerajaan sekarang ini adalah dalam proses penubuhan satu-satu badan yang dinamakan Perbadanan Filem Nasional untuk memberikan khidmat-khidmat pengedaran, penayangan dan pengeluaran filem kepada perusahaan perfileman tempatan dalam mana badan ini juga akan memberi apa sahaja bimbingan bantuan, panduan yang boleh kepada kaum bumiputra juga supaya lebih-lebih lagi terlibat dalam bidang perusahaan ini.
- (ii) mendirikan panggung-panggung wayang baru untuk membolehkan filem-filem yang diedarkan oleh syarikat-syarikat bumiputra ditayangkan;
- (iii) menyediakan alat-alat penggambaran filem melalui Perbadanan Filem Nasional untuk dipinjamkan kepada pengeluar-pengeluar filem bumiputra.

Langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan mengadakan panggung-panggung yang boleh melibati bumiputra di dalam bidang penayangan filem dan dengan badan-badan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dan lain-lain badan berkanun serta orang perseorangan bumiputra berpeluang mendirikan panggung-panggung wayang untuk menayangkan filem-filem yang diedarkan oleh syarikat-syarikat filem termasuk syarikat-syarikat perfileman bumiputra itu. Langkah ini sekarang di dalam peringkat penyelenggaraan.

Kerajaan juga melalui Perbadanan Perfileman memang bercadang untuk mengadakan satu kumpulan wang bagi kemudahan pinjaman kepada syarikat-syarikat pengeluaran filem. Dasar Kerajaan berkenaan perkara ini ialah untuk memastikan yang

syarikat-syarikat pengeluar filem bumiputra tidak akan mengalami masalah kewangan di dalam menjalankan kegiatan mereka.

Tentang jawapan kepada soalan (d) adalah tidak benar. Semua pawagam-pawagam di negara ini adalah dipunyai oleh orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia. Daripada jumlah 387 panggung wayang di seluruh negara hingga tempuh berakhir bulan Jun, 1974 sebanyak 146 adalah kepunyaan Shaw Brothers dan Cathay Organisation. Yang lainnya berjumlah 241 buah adalah panggung kepunyaan orang perseorangan dan syarikat-syarikat tempatan yang lain. Oleh kerana nama orang-orang perseorangan tersebut adalah terlalu banyak tidaklah dapat saya menyebutkan nama mereka satu per satu, tetapi kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengetahui orang-orang perseorangan yang mempunyai panggung-panggung wayang ini bolehlah berhubung dengan saya, saya akan menyediakan satu senarai nama orang-orang yang memiliki dan mengusahakan panggung-panggung wayang persendirian. Perlu juga dijelaskan bahawa semua syarikat-syarikat yang mempunyai panggung wayang tersebut adalah didaftarkan di dalam negara ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang rumit oleh syarikat perfileman bumiputra ialah kurang sanggup atau tidak ada kesanggupan dan panggung-panggung wayang menunjukkan filem-filem bumiputra, dengan hal yang demikian adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengenakan syarat kepada panggung-panggung wayang untuk sekurang-kurangnya menunjukkan, katakanlah, sehari di dalam 14 hari menunjukkan wayang-wayang gambar bumiputra?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi kita adalah di dalam proses penubuhan badan perfileman nasional dan kita harap dengan tertubuhnya sahaja badan ini satu daripada tugasnya yang akan diberi kepada badan ini ialah untuk menentukan pengedaran filem-filem yang diedarkan oleh syarikat bumiputra dan juga filem-filem Melayu supaya bukan sahaja ditayangkan di tempat-tempat yang tertentu bahkan juga ditayangkan pada masa-masa yang tertentu.

WAYANG TOK KONG CHINA— PERTUNJUKAN

29. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa pihak Polis telah mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada penganjur-penganjur pertunjukan wayang tok kong China seperti mereka diperlukan membayar wang cagaran mereka terlebih dahulu kepada Pejabat Daerah sebelum pihak Polis mengeluarkan permit bagi mengadakan pertunjukan tersebut terutama sekali di kawasan-kawasan Dindings dan Taiping; dan jika ya, nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mempercepatkan proses mengeluarkan permit-permit sebab pertunjukkan itu bukanlah bertujuan mencari keuntungan tetapi bagi mengembangkan kebudayaan China.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, lesen ataupun permit mengenai pertunjukkan wayang atau lain-lain pertunjukan seumpamanya termasuklah wayang tok kong China adalah dikeluarkan oleh Pegawai Daerah. Pihak Polis menyemak dan menapis cerita lakunan dan anggota yang mengambil bahagian samada ianya mengandungi unsur-unsur sabversif, jenayah ataupun tidak. Pihak Polis sentiasa menapis dan menyemak sesuatu permohonan itu dengan seberapa segera yang boleh.

FAMA DALAM PEMASARAN PERTANIAN

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA untuk membuka pasaran-pasaran yang baru di negara-negara Arab untuk pengeluaran-pengeluaran Malaysia.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang FAMA belum lagi menceburkan diri di dalam pemasaran hasil-hasil pertanian di negara-negara Timur Tengah. Walaupun demikian FAMA mempunyai langkah-langkah yang telah dirancang untuk tujuan di atas seperti berikut, di antaranya:

- (i) dengan kerjasama yang rapat daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, FAMA sedang membuat

peraturan untuk menghantar satu rombongan perdagangan ke negara-negara Timur Tengah seperti negeri-negeri Arab Saudi, Iraq, Iran, Kuwait dan United Arab Emirates. Wakil-wakil daripada pihak swasta akan juga dipelawa untuk bersama-sama dalam rombongan tersebut. Rombongan perdagangan ini akan mencuba mendapatkan pembeli-pembeli bagi hasil-hasil pertanian yang tertentu seperti kacang tanah, minyak kelapa, lada hitam dan kopi. Selain daripada itu, rombongan ini akan mencuba mendapatkan juga pelabur-pelabur yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam projek-projek perusahaan agro-based secara usaha-bersama. Rombongan ini juga akan mengesan pembeli-pembeli untuk hasil-hasil pertanian lain yang penge-luarannya boleh diperluaskan di Malaysia;

- (ii) FAMA juga bercadang untuk mendapatkan peluang-peluang pasaran di negeri-negeri Timur Tengah melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Beirut, Jeddah dan Kuwait dan juga melalui perhubungan-perhubungan swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 31 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).

PERKATAAN "MALAYA" DALAM ATURAN KEWARGANEGARAAN

31. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa perkataan "MALAYA" dalam peraturan 8 (2) dalam kaedah-kaedah Kewarganegaraan, Seksyen 6 Bahagian III, Jadual Kedua Ordinan Kewarganegaraan adalah suatu kesilapan dengan terbentuknya Malaysia; dan
- (b) jika ya, samada beliau bercadang menggantikan perkataan "MALAYA" dengan perkataan "MALAYSIA" dan menambah perkataan perkataan "Federation of Malaysia" selepas perkataan "Merdeka Day".

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Penggunaan perkataan "MALAYA" dalam peraturan 8 (2) dalam Aturan-aturan Kewarganegaraan, 1964 adalah tepat dan tidak perlu dipinda.
- (b) Soalan ini tidak berbangkit.

HOSPITAL—LAYANAN RAWATAN PESAKIT-PESAKIT

32. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa layanan yang diberikan oleh hospital-hospital kepada pesakit-pesakit kelas tiga sangat tidak memuaskan, jika ya, tidakkah Kementerian ini akan mengadakan penyiasatan tentang hal ini di semua hospital-hospital di seluruh negara dan mengapa Kementerian ini tidak mengarahkan pegawai-pegawai dari Kementerian ini sendiri menyiasat akan perkara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tidak, saya tidak sedar bahawa layanan rawatan yang diberikan oleh hospital-hospital kepada pesakit-pesakit kelas tiga sangat tidak memuaskan. Saya telah memberitahu dalam Dewan ini pada beberapa kali bahawa layanan yang diberi kepada pesakit-pesakit kelas tiga adalah sama sahaja dengan layanan yang diberi kepada pesakit-pesakit kelas 2 dan 1. Jika Ahli Yang Ber-hormat dari Kangar dapat memberikan kenyataan yang lebih tepat mengenai tuduhannya itu, perkara tersebut akan disiasat.

UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MALAYSIA—PERMOHONAN MASUK

33. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Jumlah bilangan permohonan-permohonan untuk masuk ke universiti yang diterima oleh kesemua empat-empat buah universiti di negara ini bagi tahun akademik 1975/76 dan berapa bilangan tempat yang ada di-tiap sebuah; dan
- (b) Mengapakah bilangan tempat-tempat di universiti ini tidak boleh ditambah lagi.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sekarang mempunyai lima universiti. Jadi jumlah bilangan pemohon-pemohon untuk masuk kelima-lima universiti itu bagi tahun akademik 1975/76 ialah 12,614 dan bilangan tempat yang ada di tiap-tiap universiti di atas adalah seperti berikut:

Universiti Malaya	2,408
Universiti Kebangsaan Malaysia	910
Universiti Pertanian Malaysia	218
Universiti Sains Malaysia...	925
Universiti Teknologi Malaysia	200

- (b) Sebenarnya jumlah bilangan tempat-tempat baru yang ditawarkan di universiti-universiti bertambah pada tiap-tiap tahun, tetapi ini tidak dapat menampung kesemua calon-calon yang ingin melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Sayugia diingatkan bahawa penambahan bilangan pelajar-pelajar adalah dibataskan oleh faktor seperti kakitangan yang terlatih dan berkelayakan, tempat tinggal, wang, peluang-peluang berkerja, lain-lain kemudahan makmal dan teknik yang diperlukan.

PERMIT KERJA BAGI KAD PENGENALAN MERAH

34. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada syarat-syarat untuk permit kerja boleh dilonggarkan di dalam perkara di mana pekerja-pekerja ladang adalah pemegang kad pengenalan merah dan yang telah berkorban sangat untuk negara.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Di bawah Akta (Sekatan) Kerja 1968, semua pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah yang bekerja di dalam sebarang perniagaan atau perusahaan adalah dikehendaki mempunyai permit kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Oleh kerana Akta tersebut meliputi kesemua golongan pekerja yang menjadi penduduk tetap (permanent residence) di negara ini,

maka tidak perlulah dipertimbangkan pengecualian bagi sebarang kumpulan pekerja-pekerja.

LESEN TEKSI—QOTA KEPADA PEKERJA LADANG

35. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada qota bagi lesen-lesen teksi telah diperuntukkan kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang getah sebagai membantu mereka mendapatkan pendapatan yang lebih dan juga sebagai memudahkan kekurangan pengangkutan untuk pekerja-pekerja ladang yang tinggal di kawasan yang terpencil.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas. Jika maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah bahawa pekerja-pekerja ladang boleh menambahkan pendapatan mereka dengan menjalankan perusahaan teksi, ini mungkin sukar oleh kerana kedua-dua pekerjaan ini adalah jenis pekerjaan sepenuh masa. Walau bagaimanapun biasanya dengan nasihat ataupun syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat Angka Matlamat Bagi Kereta-kereta Sewa dan Teksi di tiap-tiap negeri, Lembaga Pelesenan di Kementerian saya adalah mengeluarkan permit-permit teksi di kawasan-kawasan estet yang didapati memerlukan perkhidmatan teksi.

PEKAN KERUAK/KUALA KERAI—PEMBINAAN JALANRAYA

36. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan telah mengkaji kemungkinan membina sebatang jalanraya sejauh lebih kurang 20 batu menghubungi Pekan Keruak di Ulu Besut dengan Kuala Kerai, Ulu Kelantan; jika ya, bilakah pembinaan jalan tersebut akan dimulakan; dan jika belum samada Kerajaan bercadang membuat kajian itu dengan segera kerana memandangkan kepentingan-kepentingan berikut:

- (i) pembinaan jalanraya itu akan memberi peluang membuka tanah-tanah yang subur di kawasan tersebut dan pengeluaran hasil hutan serta galian dapat digalakkan;

- (ii) pembinaan jalan itu juga dapat menghubungi Negeri Trengganu yang tidak mempunyai jalan keretapi dengan Stesyen Keretapi Krai;
- (iii) kawasan disekitar Keruak akan dimajukan dengan cara besar-besaran di bawah Rancangan-rancangan Tanah Felcra dan Belia; dan
- (iv) penduduk-penduduk di Ulu Besut sekarang ini terpaksa melalui jalan Jerteh-Pasir Puteh sejauh lebih kurang 50 batu jika hendak menaikki keretapi di Kuala Krai.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah perkara Kerajaan Negeri. Saya diberitahu bahawa setakat ini belum ada rancangan bagi membina jalan yang menghubungkan terus Pekan Keruak di Ulu Besut dengan Kuala Krai, Ulu Kelantan. Ini disebabkan kesukaran yang terdapat di bahagian lereng bukit oleh kerana kedua-dua Pekan Keruak di Ulu Besut dan Kuala Krai di Ulu Kelantan terletak di kawasan lembah. Menyimak peta topo kawasan itu didapati kerja-kerja pembinaan jalan ini tidak begitu ekonomikal.

Walau bagaimanapun, saya diberitahu juga bahawa dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga nanti peruntukan telah diminta untuk pembinaan jalan yang menyambung Pekan Keruak ke kawasan Felcra.

RTM—MENYIARKAN UCAPAN AHLI-AHLI

37. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa selain daripada ucapan-ucapan Menteri-menteri, banyak ucapan-ucapan dan pertanyaan-pertanyaan Parlimen yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Sidang Dewan Rakyat Kedua bagi Penggal Pertama yang lepas telah tidak mendapat tempat di TV, Radio dan akhbar-akhbar tempatan, dan jika ya, mengapa.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum RTM cuba menyiarkan ucapan-ucapan, Ahli-ahli Parlimen di radio dan juga di TV. Tetapi

kadangkala, Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap selepas daripada pukul 6.00 petang, dan kalau hendak masukkan ke TV itu sudah pukul 9.00 malam selepas Warta Berita tak sempat hendak dibuat, tetapi mana yang tak sempat masuk TV itu, kita masukkan ke radio yang besok pagi itu kita buat satu siaran lagi.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH SEKOLAH

38. Datuk Albert Mah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah positif yang telah diambil supaya menentukan taraf Bahasa Inggeris yang diajar di sekolah-sekolah dapat dipelihara dengan pemin-dahan kepada Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar;
- (b) berapa minit telah diperuntukkan setiap minggu untuk belajar Bahasa Inggeris dengan pemindahan kepada Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar;
- (c) adakah beliau sedar bahawa adalah perlu untuk meninggikan taraf Bahasa Inggeris yang sekarang diajar di sekolah-sekolah; dan
- (d) apakah langkah-langkah positif sedang diambil untuk memajukan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) dan (d) Kementerian Pelajaran sedang membuat segala yang boleh untuk menentukan taraf Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dijaga dengan membentuk Unit Bahasa di Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran. Pusat Perkembangan Kurikulum bertanggungjawab menyelidik dan membina segala sukatan pelajaran Bahasa Inggeris serta Panduan Guru, bahan pengajaran, alat-alat mengajar dan belajar yang berkaitan. Langkah-langkah juga diambil untuk mengadakan bahan bacaan tambahan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris. Langkah-langkah telah diambil untuk menambahkan kecekapan guru mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, dan memperkemaskan lagi kursus-kursus pra-perkhidmatan.

(b) (i) Sekolah Rendah

1. *Pengantar Bahasa Malaysia*

Sekurang-kurangnya 300 minit seminggu diperuntukkan bagi Darjah 1, 2, 3, 4, 5, dan 6.

2. *Pengantar Bahasa China atau Tamil*

Darjah 3: sekurang-kurangnya 120 minit seminggu

Darjah 4: sekurang-kurangnya 160 minit seminggu

Darjah 5 dan 6: sekurang-kurangnya 200 minit seminggu

(ii) Sekolah Menengah

1. *Pengantar Bahasa Malaysia*

Sekurang-kurangnya 160 minit seminggu bagi Tingkatan 1, 2, 3, 4, dan 5.

2. *Pengantar Bahasa Inggeris*

Tingkatan Peralihan: sekurang-kurangnya 720 minit seminggu

Tingkatan 1: sekurang-kurangnya 420 minit seminggu

Tingkatan 2 dan 3: sekurang-kurangnya 240 minit seminggu

Tingkatan 4 dan 5: sekurang-kurangnya 200 minit seminggu

- (c) Memang perlu ditinggikan taraf bahasa Inggeris yang diajar di sekolah. Mengikut Dasar Pelajaran, Bahasa Inggeris perlu dipelajari oleh semua murid di sekolah-sekolah sebagai bahasa kedua. Kami sedang melakukan segala yang patut untuk meninggikan taraf Bahasa Inggeris yang diajar di sekolah.

BELIA YANG MENGANGGUR— LATIHAN

39. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan, memandangkan kepada lawatan beliau ke Daerah Bintulu baru-baru ini, apakah rancangan sekiranya ada yang dicadangkan bagi belia-belie yang berhenti sekolah dengan kelulusan Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima yang menganggur, untuk melatih mereka supaya menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan mengambil bahagian yang cergas dalam pembangunan di masa depan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Belia-belie Negeri Sarawak termasuklah dari Daerah Bintulu memanglah telah ada diberikan latihan samada di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, di Pertak ataupun di tempat-tempat lain, sekadarkan jumlahnya tidak dapatlah begitu banyak sehingga boleh menampung semua belia yang menganggur.

GURU-GURU MENGIKUTI KURSUS PENUH DI UNIVERSITI

40. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada benar bahawa guru-guru yang menjadi mahasiswa-mahasiswa luar kampus Universiti Sains Malaysia tidak mendapat gaji semasa mereka menjalani kursus penuh pada tahun akhir
- (b) jika benar, apakah cadangan Kerajaan untuk menolong guru-guru tersebut meneruskan pengajian mereka; dan
- (c) apakah perbezaan dalam soal ini di antara guru-guru dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) dan (b) adalah benar bahawa guru-guru berkenaan tidak mendapat gaji mereka semasa mereka mengikuti kursus penuh pada tahun akhir di Universiti Sains Malaysia. Walau bagaimanapun kes mereka ini sedang dipertimbangkan.
- (c) Tidak terdapat apa-apa perbezaan dalam soal ini di antara guru-guru dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

RUMAH MURAH (LOW-COST HOUSES)

41. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau ada rancangan rumah murah (low-cost houses) di tempat-tempat seperti berikut:

- (a) Majlis Tempatan Bekok,
- (b) Majlis Tempatan Cha'ah,
- (c) Majlis Tempatan Paloh,
- (d) Majlis Tempatan Kampung Paya,
- (e) Majlis Tempatan Gajah, dan
- (f) Majlis Tempatan dan Bandaran Kluang.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Saya suka hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan Negeri Johor telahpun mengemukakan cadangan-cadangan untuk membina rumah-rumah murah di kawasan-kawasan yang dinyatakan di dalam soalan beliau. Cadangan-cadangan ini akan dipertimbangkan oleh Kementerian saya bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkenaan. Dapat atau tidaknya cadangan-cadangan ini dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan hanya diketahui setelah kajian dan pertimbangan yang saksama dibuat bersama-sama dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain dan juga kepada banyaknya peruntukan kewangan yang akan diluluskan oleh Kerajaan bagi maksud perumahan awam di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

RISDA—PERBUATAN CURANG/ PENIPUAN

42. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah tegas yang diambil dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap perbuatan curang dan penipuan yang berlaku dalam RISDA yang melibatkan wang yang banyak serta mendatangkan kelemahan dan kerosakan rancangan mengeluarkan hasil getah yang baik.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Soalan ini telah saya jawab semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 8hb Julai, yang lalu.

RANCANGAN BUKU HIJAU

43. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang Kementerian beliau telah ambil untuk menguatkuasakan peruntukan seksyen di dalam Workers (Minimum Standards of Housing) Act, 1966, yang memerlukan majikan estet-estet menguntukkan 1/16 ekar tanah kepada pekerja-pekerja mereka untuk pertanian dan kawasan padang rumput untuk ternakan.

Datuk Lee San Choon: Peruntukan di dalam Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 adalah sentiasa dan masih lagi dikuatkuasakan oleh Kementerian ini. Penguatkuasaan ini telah diperhebatkan lagi

selepas pelancaran Rancangan Buku Hijau oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sambutan daripada ladang-ladang adalah memuaskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PER- LESENAN AJEN-AJEN PERKAPALAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan-peruntukan bagi melesenkan ajen-ajen perkapalan dan bagi mengadakan peruntukan untuk perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengan maksud-maksud itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERKA- PALAN SAUDAGAR (TAMBAHAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menambah peruntukan-peruntukan berhubung dengan perkapalan Saudagar; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERKA- PALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHAN- JAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG AMANAH PERUMAHAN (PEMANSUHAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Amanah Perumahan, 1950 bagi membubarkan Amanah Perumahan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan bagi memindahkan segala hartanya kepada Kerajaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG MEM- BAHARUI UNDANG-UNDANG (MEN- HAPUSKAN SAMSU HARAM)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk menghapuskan pembuatan, pembahagian, pemilikan samsu haram untuk dijual dan digunakan dan bagi maksud-maksud yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berkenaan dengan cap dagangan dan untuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Sarawak (Bab. 89); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

LAPURAN JAWATANKUASA PER- ATURAN-PERATURAN MESYUARAT (No. DR. 2 Tahun 1975)

3.39 *ptg.*

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Lapuran Yang Pertama Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Yang Keempat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. DR. 2 Tahun 1975 diterima.

Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat telah bermesyuarat sebanyak dua kali iaitu pada 14hb Mac, 1975 dan pada 3hb Julai, 1975 dan bersetuju dengan pindaan-pindaan seperti yang terkandung di dalam lapuran tersebut yang telah dibentangkan di Mesyuarat ini. Tujuan pindaan-pindaan kepada tiap-tiap Peraturan Mesyuarat yang hendak dipinda itu ialah seperti yang diuraikan dengan jelasnya dalam lapuran dan oleh kerana itu saya tidak bercadang hendak mengambil masa Dewan ini lebih panjang lagi untuk membaca satu persutunya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.41 *ptg.*

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua wakil di dalam Dewan ini mempersetujui tentang apa yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri khasnya kepada Standing Order 65 (5) yang mana masa untuk perbahasan Belanjawan telah dinaikkan daripada 14 hari sehingga 16 hari. Akan tetapi pada pendapat saya ini tidak cukup. Pada masa yang lalu Dewan

ini atau Jawatankuasa Peraturan ada mengemukakan 14 hari untuk perbahasan Belanjawan dan 5 hari untuk perbahasan Perbelanjaan Pembangunan, tetapi apabila bekas Menteri Kewangan mencadangkan kita telescope campur perbahasan Belanjawan biasa dengan Perbelanjaan Pembangunan, maka masa untuk perbahasan ini tidak dipanjangkan, bahkan masa untuk perbahasan itu cuma ditetapkan 14 hari sahaja.

(*Dengan izin*) Now, Mr Speaker, Sir, I am glad that the Standing Orders Committee has recognised the injustice of this and has to some extent ameliorated the fate of us in this House who want to take part in the debates on the Ordinary Estimates and on the Development Estimates by increasing the time for such debates from 14 days to 16 days where, as I pointed out before, there were 14 days for the debates on the Ordinary Estimates and 5 days for the Development Estimates.

Mr Speaker, Sir, you yourself are aware of the times when most of us stand up and, because you are compelled by reason of time, you would say, "2 minutes here", "5 minutes there", "10 minutes there" and so on. Sir, we do see the reason why you have to do it. But I submit that there is no need for the Chair to tell a Member of the House, "I can give you 5 minutes" or "I can give you 10 minutes", because it does not add to the dignity either of the Chair or the Members of the House. I say that it denigrates the House to a level less than that of a debating society because when the school children go to a debating society, they are not told, "Look here, I will give you two minutes or I will give you three minutes". Here when we stand up to debate the Estimates of the Ministry of Defence, for example—and we spend perhaps hours talking to knowledgeable people before we come here—we are given five minutes. What can we say in five minutes, Mr Speaker, Sir. Of course, we cannot say much. Now, the solution lies not in the Chair telling us how much time can be allotted to us to speak but it is for the Standing Orders Committee to increase the time for debates. From 16 days, as I see here, I say it will be better if we can increase it to 22 days, which will be three days more than the 19 days that were

allocated for the debates on the Ordinary Estimates and the Development Estimates before.

My experience of this House since 1964 is that very often the time allocated for some of the more important Ministries—for example, the Ministry of Home Affairs, the Ministry of Defence and the Ministry of Education which take up more than one-third of the total Estimates—is not enough and very often the Prime Minister's Department takes priority and more time is spent on it with the result that towards the end, the debates become a farce, because we are given very little time to debate them.

Mr Speaker, Sir, I do hope that the Deputy Prime Minister, who is a Member, I see, of this Standing Orders Committee, if the Standing Orders Committee should meet again, will study this again so as to increase the number of days allocated for the Budget debates which now include the Ordinary Estimates and the Development Estimates, to certainly more than 16 days, and I hopefully hope that it can be increased to 22 days. But if for any reason, Mr Speaker, Sir, the Standing Orders Committee cannot meet in time so as to effect this change before the coming Budget meeting which I gather starts in November, then I hope that the Government will be realistic enough to increase the time for debate for the Budget by two hours each day starting from the first day—in other words, the Government can easily move the suspension of Standing Orders to let the House rise at 8.30 p.m. instead of 6.30 p.m. every day. That would increase the time for debate by about two hours every day and over 16 days it means an increase of 32 hours for the debate whereas under our present circumstances the debate is only for three hours, i.e. from 3.30 p.m. to 6.30 p.m. It means in effect that it will increase the debating time by several days. This, I hope, will enable not just the Opposition, Mr Speaker, Sir, but I believe the back-benchers who are equally desirous and naturally so, to take part in the debates fully. They come here, they sacrifice the time, from Bachok, Kelantan, from Kangar, Perlis, and they come here and if they do not get a chance or if they are only given two or three minutes to speak, then they will say, "What the heck am I staying in Kuala Lumpur for? I get cooped up in my hotel room. There is no meaning in my staying here. There is no

meaning in democracy." So, Mr Speaker, Sir, the essence of democracy is that particularly during the Budget time, the Opposition must be heard.

Mr Speaker, Sir, if I may also make a suggestion, during the Budget Session, when a Minister introduces his estimates, there is no need for him to hear his own voice by taking one hour to introduce his estimates. I have seen Ministers introducing their Estimates for one full hour and then the rest of the Members of the House get only half an hour. The Minister may be interested in hearing his own voice, but we are not. We come here to speak. It will be sufficient if the Minister should say, "Well, the Estimates are here; you have got the thick book explaining the workings of my Ministry. I shall be very glad if any Member has any observations to make on the Estimates. I will be here to take down notes. My officials behind me will also help me," and then he sits down. Then the rest of the time will be for the back-benchers and for the Opposition Members to speak and not for this House to be bored with a monologue of more than one hour from the Minister and then of course he gets a good Press. But it does not serve the purpose of us coming to the House, for it does not serve the purpose of democracy in this House. Democracy, I reiterate, is still a nascent plant in this House, and it must be nurtured and nourished very carefully by both the Government Members and the Opposition in order in the fullness of time we can be proud of the democracy that is in this country.

3.50 *ptg.*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul ini dan saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah membawa satu usul yang kena pada tempatnya.

Saya hanya suka menyentuh dan memberi sedikit pandangan bahawa bukan sahaja Standing Order 66 harus dipinda untuk memberi masa yang lebih panjang bila membincangkan Supply Bill, malahan mengikut pengalaman di Dewan yang mulia ini Peraturan Mesyuarat 67 berkenaan dengan Supplementary Supply Bill, pada pendapat saya harus diberi masa yang lebih sedikit. Dalam peraturan sekarang second reading kepada Supplementary Supply Bill di

bawah Peraturan Mesyuarat 67 diberi masa hanya satu hari dan di dalam Jawatankuasa dihadkan masa maksima kepada hanya dua hari sahaja. Lebih-lebih lagi dalam pengalaman di dalam Dewan yang berbahagia ini di mana perbelanjaan Pembangunan dan Mengurus 1973, 1974 dan 1975 telah dirangkumkan dan sudah tentu perbincangan yang diberi mengikut peraturan di bawah Peraturan Mesyuarat 67 mengikut pengalaman dalam Dewan ini tidak mencukupi. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usul yang lalu yang Dewan ini telah luluskan belanjanya lebih daripada \$1,000 juta yang diminta tambahannya, kerana itulah saya suka membuat pandangan bukan sahaja Standing Order 66 (5) yang sudah kena pada tempatnya untuk dipinda, malahan Peraturan Mesyuarat 67 berkenaan Supplementary Supply Bill juga dapat dipertimbangkan masa yang lebih lanjut untuk membincangkan bukan sahaja di dalam second reading tetapi juga dalam Jawatankuasa.

3.53 *ptg.*

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di atas usul ini.

Berkenaan cadangan atau pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pandangannya itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa untuk ditimbang. Di samping itu, benarkan saya mengambil kesempatan menjawab teguran Ahli Yang Berhormat yang menyatakan iaitu Ahli-ahli Pembangkang patutlah diberi masa yang cukup. Rasanya tidak ada Ahli-ahli dalam Dewan ini dapat menafikan iaitu Ahli-ahli Pembangkang dalam masa membahas Budget atau Supplementary Budget adalah diberi masa bercakap. Tidakkah benar sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu ahli-ahli Pembangkang tidak diberi peluang bercakap sebagaimana yang dikatakan "the Opposition must be heard." We have always given the Opposition enough opportunity to be heard. Dan beliau menyatakan beberapa kali, barangkali bagi telinga Ahli-ahli yang di hadapan saya ini, Ahli-ahli Pembangkang, barangkali jemu mendengar suara-suara Menteri bercakap berjam-jam, tetapi kadang-kadang Ahli-ahli Pembangkang yang selalu mendesak Menteri-menteri memberi penjelasan atas

beberapa perkara, dan itulah rasa saya Menteri-menteri mengambil peluang memberi penjelasan seberapa panjang yang boleh.

Begitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 67, perkara ini akan di kemukakan kepada Jawatankuasa bagi ditimbangan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Lapuran Yang Pertama Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Yang Keempat yang telah dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. DR. 2 Tahun 1975 diterima.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang pindaan ini adalah semata-matanya bertujuan untuk memberi kelayakan kepada seseorang yang memperoleh Sarjana Muda Undang-undang (LL.B) dari Universiti Singapura yang tinggal ataupun bekerja di Negeri Sabah dan mempunyai kaitan di negeri itu didaftarkan diri sebagai seorang Peguambela jika sekiranya ia telah berkhidmat sebagai seorang Majistret Mahkamah Kelas Satu di Negeri Sabah selama tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan.

Pada masa ini ada anak-anak Sabah yang ada kelulusan LL.B. daripada Universiti Singapura yang telah berkhidmat sebagai Majistret di Sabah dan selepas itu kalau hendak masuk memohon menjadi peguambela tidak boleh mendapat kelulusan dengan sebab ada sekatan Undang-undang ini. Pindaan ini adalah dibuat dengan dikehendaki dan telah berunding dengan Persatuan Peguam bagi Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.57 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Undang-undang di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang berkenaan dengan pendeknya, saya berasa gembira dan berpuas hati, telah mengemukakan Rang Undang-undang ini, dan beliau menyatakan seorang anak Negeri Sabah yang lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B.) daripada Universiti Singapura dan ada berkhidmat sebagai Majistret Kelas Satu atau ada pengalaman membaca di dalam Chambers, boleh didaftarkan sebagai seorang Peguam di Sabah. Saya hendak mengemukakan pertanyaan kepada Menteri yang berkenaan,

(Dengan izin) Why are the lawyers in this country treated, for example, differently from the doctors in this country? The doctors in Malaysia, be they in Sabah, be they in Sarawak, or be they in Semenanjung Malaysia.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidak ada kena mengena dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, saya pun baru tengah mengingatkan Ahli Yang Berhormat bila ada Rang Undang-undang doktor nanti boleh bercakap.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, saya hendak memberi contoh sahaja sebab the doctors have one registration. Now I want to bring to the attention of the Minister why should the lawyers have three registrations—one in Peninsular Malaysia, one in Sabah and one in Sarawak—which means the lawyers in Sarawak cannot practise in Sabah and *vice versa*, the lawyers in Semenanjung

Malaysia cannot practise in Sabah and *vice versa*, or cannot practise in Sarawak and *vice versa*.

Now, I hope the Honourable Minister of Law and Attorney-General can bring forth a Bill whereby all the lawyers are registered under one registration, which means they can then practise anywhere in Malaysia—if we are to have a Malaysia where everybody has equal rights. Now they do not have equal rights. Why should the lawyers be singled out for such discrimination, for example?

Ada beberapa orang peguam yang hendak menjalankan pekerjaan membuka syarikat di Kota Kinabalu umpamanya, mereka tidak dibenarkan. Begitu juga, ada peguam dari Semenanjung Malaysia yang hendak membuka syarikat di Kuching atau Sibut tetapi tidak dibenarkan. Atau ada satu kes di sana yang mana orang di sana berkehendakkan seorang peguam dari sini, peguam di sini tidak boleh pergi ke sana untuk mewakili orang di sana. Now this is where if we have one registration for all with the same rules—and we can change the rules a little to suit the conditions in Sabah and Sarawak—then I do not see any insurmountable problems. After all, although I know very little of law, the registration of a legal practitioner is not much different from that of a medical practitioner. In effect, I think the registration of a medical practitioner poses far more problems because the medical practitioners, as of now, are trained in places as far as the United States of America, Canada and many parts of India, whereas the lawyers are not scattered so far abroad. They are either from the Inns of Courts in London or from New Zealand, Australia and now Singapore.

I submit that in any registration, it is the qualification that matters. The scrutiny of the qualifications of lawyers does not pose as many problems as that of medical practitioners and I do hope that the Minister of Law will study this problem and see that all the lawyers in Malaysia, and that includes Sabah and Sarawak, can be brought under one registration.

The other defect that I see in this piecemeal amendment is this, Mr Speaker, Sir. It talks of the University of Singapore. Now the Minister of Law knows that by next

year, the first batch of lawyers will come out from the Faculty of Law, University of Malaya. We now recognise the LL.B. of the University of Singapore, but what of the LL.B. of our own university? This is where if we have one registration, it would not pose any problem. So I hope that the Minister of Law will bring an amendment to the registration of lawyers to include lawyers from all parts of Malaysia and if that is not possible within the foreseeable future, then he must take into consideration that the LL.B. students from the University of Malaya will graduate next year and in about a year's time after that, they will be called to the Bar here and if they choose to go to Sabah or Sarawak, why should we deny them the chance of practising in those parts?

4.03 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan), 1975 ini. Saya suka memberi hanya satu dua pandangan tentang Undang-undang yang mengelolakan practise peguam-peguam, baik Negeri Sabah, Sarawak ataupun negara Malaysia Barat ini, pada pendapat saya Undang-undang ini sudah kena pada masanya untuk dikaji dan dipinda. Pada pendapat saya Undang-undang yang mengelola masalah peguam-peguam practise di negara ini sudahpun tidak sesuai lagi, mungkin sesuai semasa Undang-undang itu diperbuat tetapi memandangkan dengan keadaan perkembangan pada hari ini Advocates Ordinance itu nampaknya tidak sesuai lagi bagi memenuhi hasrat dan cita-cita negara kita pada hari ini.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak mengapa pegawai-pegawai dalam Jabatan Peguam Negara tidak boleh menjadi ahli-ahli Bar Council ataupun membolehkan mereka practise. Katakanlah, sekiranya telah berkhidmat di dalam Jabatan Peguam Negara selama 5 tahun kerana pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam Jabatan Peguam Negara mempunyai pengalaman yang mendalam, pengalaman yang luas dan saya percaya pengalaman-pengalaman yang mereka telah lalui semasa 5 tahun mereka menjadi pegawai-pegawai di dalam beberapa bahagian-bahagian di dalam Jabatan Peguam Negara telah melayakkan mereka menjadi ahli-ahli Bar Council tanpa melalui syarat-syarat

seperti reading in Chambers. Itu satu contoh. Sebaliknya pula, saya berasa ragu-ragu sedikit samada mereka yang lulus ijazah Bachelor of Laws daripada Universiti Malaya kita dapat practise sebagai Peguambela dengan mendapat latihan di dalam jangka waktu yang pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir seseorang peguam baik Peguambela ataupun Peguamcara mempunyai suatu responsibility yang begitu tinggi terhadap clientnya, terhadap orang yang mereka wakili dan sudah tentu sebagai seorang doktor juga seseorang itu mestilah diberi latihan yang sepenuhnya. Mereka seharusnya penuh mahir sebelum mereka diberi kuasa untuk mewakili sesiapa juga di mana-mana mahkamah di negara kita ini. Saya berpendapat ada baiknya graduates kita yang lulus dengan Bachelor of Laws di dalam batch yang pertama, yang akan keluar tidak lama lagi daripada Universiti Malaya kita, dapat diberi latihan yang sempurna, yang cukup sebelum mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Peguambela yang penuh.

Satu lagi pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Undang-undang ini memerlukan pengalaman, latihan yang begitu dalam dan luas sebelum mereka betul-betul dapat matang, mungkin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan satu cara, satu sekim supaya dapat kita mengadakan Senior Federal Counsel dan Junior Federal Counsel, supaya di setengah-setengah mahkamah hanya Senior Counsel sahaja boleh membawa sesuatu kes itu dengan Junior Counselnya dan tidaklah dengan keadaan sekarang yang mana sesiapa juga peguam dapat menghadapi mana-mana mahkamah, tak kira seberapa tinggi mahkamah itu, mungkin suatu sekim, suatu rancangan dapat diatur, dapat ditimbangkan, mengadakan pembahagian-pembahagian peguam-peguam yang banyak pengalaman yang mereka boleh bawa kes di mana-mana juga mahkamah dan peguam-peguam yang kurang berpengalaman hanya boleh membawa kes-kes di mahkamah yang ditetapkan sahaja, dari segi detailnya terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri menimbangkannya.

Pendek kata, apa yang saya hendak syorkan, ialah seharusnya suatu kajian yang mendalam diadakan, mengkaji semua aspek practice peguam-peguam di negara kita ini oleh kerana Undang-undang yang

ada pada kita sekarang, pada pendapat saya, sudah tidak sesuai lagi, tidak lengkap lagi untuk menjalankan kuatkuasa dan memenuhi cita-cita bagi menjalankan khidmat peguam di negara kita.

4.08 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan yang mulia pada petang ini dan saya hendak memberi sedikit pandangan-pandangan saya bagi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, while welcoming this Bill, I wish to suggest that more ought to be done instead of just limiting admissions to practise as Advocates to persons who have Sabah connections. I hope the State Government of Sabah will consider allowing all citizens of Malaysia with the requisite academic qualifications to practise as Advocates in that State. This would certainly open up an era of further promoting goodwill and closer relationship between citizens within the country. Moreover, it would also contribute to the spirit of understanding and togetherness among our people. In fact, Sir, the Courts in Peninsular Malaysia admit all Malaysian Citizens wherever they are from, including the State of Sabah to practise as advocates and solicitors. I do not know the reason or reasons why an exclusion of this nature still exists. Perhaps, one reason is that there is fear that if the door is left open by the State, Malaysians of Peninsular Malaysia origin who have the requisite qualifications will swarm the State of Sabah. This, I am sure, will not be true. I, therefore, urge that a first step be taken to admit all Malaysians with the requisite qualifications so that our bond of brotherhood can be further strengthened. Sir, let us do away with things that divide us and concentrate on matters that will unite us.

4.11 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka melafazkan sepatah dua kata di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya suka membuat sedikit teguran mengenai dengan Huraian di dalam Bill ini. Saya dapati Huraian Bill ini tidak begitu mencukupi. Sungguhpun Huraian ini berupa synopsis akan tetapi dari segi kesempurnaan, saya rasa kurang sempurna oleh sebab ada perkara-perkara di dalam Bill ini yang tidak disebutkan di dalam Huraian ini. Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris, ini mungkin merupakan satu kesukaran untuk mereka berbahas ataupun Huraian ini mungkin tidak membawa makna yang sepenuhnya kepada Bill ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, "Huraian" itu tidak menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, hanya untuk menjadi panduan kepada pembaca Rang Undang-undang ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya harap kalau dapat synopsis itu diterangkan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Kedua, mengenai dengan nama Advocates Ordinance ini. Saya percaya Ordinan ini berasal daripada "The Law of Borneo, Chapter Two". Jadi, nama undang-undang ini semenjak Undang-undang yang asal itu digubal tidak begitu banyak diberi penukaran kepada namanya. Nama Advocates Ordinance ini mungkin membawa erti yang lain sedikit. Saya harap Kementerian yang berkenaan boleh juga mencadangkan ataupun membentangkan Bill ini supaya menukar nama ini sesuai dengan nama Advocates and Solicitors Ordinance bagi Semenanjung. Saya berkata begitu oleh kerana Advocates Ordinance ini membawa erti seolah-olah di Sabah sana profession peguam ini telahpun diasing, tidak disatukan, sedangkan sebenarnya di Sabah pekerjaan Guaman itu telah difused (fused profession). Advocates and Solicitors tidak dibezakan seperti di England Solicitors dengan Barristers. Jadi saya rasa untuk penjelasan, elok juga jikalau dalam masa akan datang nama ini dapat ditukar.

Perkara yang ketiga, saya memang menyokong tentang pindaan ini dan saya rasa pindaan ini adalah baik untuk sementara ini

kerana mensesuaikan dengan keadaan. Tetapi pada masa-masa yang akan datang saya rasa banyak lagi pindaan-pindaan yang harus dilaksanakan demi menjaga kepentingan profession peguam. Dewasa ini masyarakat kita telah menjadi lebih sophisticated, berbagai-bagai pembangunan telah diadakan maka kerja-kerja peguam ini bukan sahaja bertambah tetapi telah berubah corak sedikit (diversified). Kalau dahulunya peguam-peguam itu cuma membicarakan kes-kes jenayah ataupun kes-kes sivil biasa sahaja tetapi pada hari ini pekerjaan conveyancing itu adalah menjadi lebih penting. Jadi adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan melihatkan supaya negara kita ini boleh melahirkan peguam-peguam yang boleh melahirkan high quality of conveyancing work. Pekerjaan-pekerjaan conveyancing ini boleh melibatkan peguam-peguam itu ataupun akan menghendaki seseorang peguam itu mempunyai pengetahuan yang cukup di dalam beberapa undang-undang yang lain. Pengetahuan ini ataupun pengalaman ini bukanlah senang diperolehi dan tidak dapat diperolehi dalam setahun ataupun dua tahun. Masa reading in Chambers ataupun menjadi pupilage itu, pada fikiran saya eloklah dikaji semula dan begitu juga dengan post-graduate itu hendaklah dikaji semula supaya sesuai dengan kehendak calibre peguam yang kita hendak lahirkan di negara kita ini.

Mengenai dengan post-graduate course, saya dapati daripada pengalaman saya sendiri iaitu sebenarnya syllabus yang ada sekarang ini rasa saya tidaklah begitu sesuai dengan kehendak seseorang peguam yang akan beramal sebagai seorang peguam. Post-graduate course ini kebanyakannya mementingkan kepada perkara-perkara akademik, persoalan perundangan sungguhpun kursus itu dipanggil juga practical training course. Kursus ini tidak dapat memberi rasa yang sebenarnya kepada mereka yang akan beramal sebagai peguam

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, post-graduate course yang mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Kedua-duanya post-graduate course itu. Kursus itu tidak dapat memberi rasa yang sebenarnya sebagaimana rasa seseorang yang beramal sebagai peguam itu. Apatah lagi tentang procedure ataupun cara-cara untuk

menjalankan sesuatu kes itu, ini sungguhpun ada dititikberatkan di dalam post-graduate course itu akan tetapi saya rasa tidak juga mencukupi. Jadi, pihak yang berkenaan haruslah mengkaji semula mengenai post-graduate course ini untuk mensesuaian dengan kehendak.

Satu perkara lagi ialah mengenai dengan reading in Chambers selama enam bulan itu iaitu selepas seseorang itu telah mengikuti kursus post-graduate, mengikut peraturan sekarang seseorang yang menjalankan kursus post-graduate itu dia hendaklah masuk Chambers selama enam bulan. Jadi, jikalau post-graduate course itu tidak sesuai dengan kehendak kita, reading in Chambers itupun saya rasa tidak begitu cukup untuk mencekapkan seseorang itu beramal sebagai peguam.

Saya ingin membuat cadangan kepada Kementerian yang berkenaan supaya pertama post-graduate course itu dikaji semula. Kedua, memikirkan untuk lebih memanjangkan masa reading in Chambers untuk mencekapkan seseorang itu.

Satu lagi perkara yang saya agak boleh menolong seseorang itu mempelajari berbagai-bagai undang-undang ialah dengan mengadakan kemudahan-kemudahan seperti mencetak semula undang-undang yang telah lama. Undang-undang di dalam tahun 1950an sangat sukar didapati, melainkan daripada library sahaja dan bukan semua pula.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya suka menjelaskan berkenaan dengan Undang-undang ini. Pindaan ini cuma sepatah sahaja berkenaan dengan Sabah. Kalaulah semua perkara berkenaan dengan Advocates and Solicitors yang berlaku di Malaysia dibenar dibahaskan maka jauh sangat pada tujuan ini—banyak masa, semua boleh bercakap. Itu pandangan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat jangan terkeluar jauh sangat daripada Rang Undang-undang ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara itu bersangkutan dengan perkara-perkara mengenai kelulusan seorang peguam—kelulusan sebelum seseorang itu boleh beramal

sebagai seorang peguam maka sebab itulah saya sentuh. Jadi, kalau ada objection daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, saya rasa setakat itulah sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan di sini iaitu semua tahu bahawa saya telah kemukakan Rang Undang-undang itu pada bacaan kali yang pertama iaitu kita ada a new Advocates and Solicitors Ordinance Bill yang tebal, sudah dibacakan pada kali yang pertama di Dewan ini dan akan dibawa dan dibentangkan serta dibahas dalam mesyuarat yang akan datang. Semua Ahli Yang Berhormat tahu. Saya harap empat lima minggu lagi dapat diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di mana terkandung di dalamnya Bil itu ialah kerja-kerja yang selama tiga tahun lamanya Persatuan Lawyer-lawyer dalam Malaysia ini meneliti berbahas, berbincang dan menggubal Undang-undang. Saya sebagai Peguam Negara ialah sebagai titular head—ketua sahaja tetapi tidak ada kuasa pada Bar Council. Maka dengan sebab itu, Menteri Undang-undang tidak suka campur tangan berkenaan cara-cara Bar Council itu menjalankan professionnya.

Izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Although I am the titular head of the Bar, I give all the freedom to the Bar Council of Malaysia to draft their own Bill to govern their profession and I only give them advice. Some of the Honourable Members of this House are members of the Bar Council and aware of what is going on and the Bill is before this House and so may be debated in full at the next meeting. So all these matters which have been brought up will really be fully debated in the coming meeting of Parliament, but the Bill before us now is a small amendment just to suit what is for the time being lacking in Sabah and I was urged many times by the Judge there and the lawyers there to bring this amendment to this House.

As regards what Yang Berhormat from Kepong said just now—unfortunately he is not here—but I would say this. He is aware but pretends not to be aware of how Sabah and Sarawak joined Malaysia because there is an Agreement and there are certain restrictions from our people from here

going there. We know Sabah and Sarawak, compared to Peninsular Malaysia, are not so advanced and we do not blame them for looking after the interests of their people there and, as such, there is in that Agreement that our people cannot go there to practise, for example, as a member of the Bar or as a lawyer without their permission and immigration is still in their hands; you cannot enter Sabah and Sarawak without their approval. For this reason his suggestion to have one registration for all the lawyers all over Malaysia will not bring Sabah and Sarawak nearer to us but will drive Sabah and Sarawak further away because they may say this is a step from those well developed Peninsular Malaysian people to pour there—like bees to gather honey from their States. So, I have been trying many times and we will do so when the time is right when they say they agree to open their doors and they agree that we should have one Bar for the whole of Malaysia, then we will do it. The Bill which I am going to bring to this House for debate in December will only be applicable to West Malaysia but there is a special provision to extend it to Sarawak and Sabah on condition that the people of Sabah, the people of Sarawak and members of the Bar of Sabah and members of the Bar of Sarawak agree to that; then we will do it. The Federal Government will not do anything to offend, to hurt or do whatever it is against the interests of Sabah and Sarawak.

As regards the remarks made by the Honourable Member for Maran just now, when he said he did not agree to many things contained in here, to which I do not agree at all, he must have gone, Mr Speaker, through his post-graduate course and the six months Chambers course; he says it is not good and he is not satisfied. But if he has gone through these courses and he has not gone through any other course, then the Honourable Member is no good as a lawyer, if he is one. He should go for further course abroad. He wants to extend, for example, reading in the Chambers from six months to more. It is not the number of months, Mr Speaker—bukan berapa bulan—that matters you may put a man in the Chambers for three years but he may be a “dud” lawyer still. It may be three months but if fully taught by experienced lawyers and if he were given every chance to go to

the Court and he himself took the trouble, the three month course reading in the Chambers is better than three years. So, it is not the number of months one reads in the Chambers but the amount of work given to a newly qualified lawyer by the senior lawyers to do and the amount of teaching given to him and also how much the person concerned applies himself to reading in the Chambers that matters and not the number of months one spends reading in the Chambers.

That is all. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jawab.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

(PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.29 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta (Pencen dan Ganjaran) (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Adapun tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 bagi membatalkan had sekatan maksima selama 240 bulan bagi pembayaran ganjaran bagi Anggota-anggota

Pentadbiran dan Ahli Parlimen, dan keduanya bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen yang berkelayakan menerima pencen dan di bawah seksyen 3 Akta tersebut juga menerima kemudahan-kemudahan rawatan perubatan.

Dalam persidangan Parlimen yang lalu, Dewan ini telah meluluskan pindaan kepada Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971, menghapuskan sekatan tempoh 240 bulan untuk pembayaran pencen maksima bagi Ahli-ahli Parlimen dan Anggota-anggota Pentadbiran. Pindaan mengenai pencen ini telah berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1970.

Tuan Yang di-Pertua, adapun maksud menghapuskan sekatan tempoh 240 bulan itu sepatutnya hendaklah juga meliputi had sekatan yang dikenakan bagi pembayaran ganjaran. Maka adalah maksud Rang Undang-undang ini untuk menghapuskan sekatan tempoh 240 bulan untuk membatalkan had sekatan maksima selama 240 bulan itu bagi pembayaran ganjaran dengan meminda Seksyen 7 (3) Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971.

Keduanya, pada masa Ahli-ahli Parlimen adalah layak mendapat rawatan perubatan sama seperti pegawai-pegawai di dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dalam Perkhidmatan Awam menerima bayaran sagu hati atas kadar yang tertentu mengikut keadaan kecederaan yang tertimpa kepadanya. Dan pembayaran sagu hati apabila seseorang Ahli Parlimen meninggal dunia dalam tempoh ianya masih menjadi seorang Ahli Parlimen.

Perkara-perkara tersebut adalah diperuntukkan di bawah Akta (Saraan Ahli) Parlimen, 1960 dan juga Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971. Peruntukan-peruntukan ini telah diperbuat berasaskan kepada prinsip-prinsip bahawa kemudahan-kemudahan yang sama adalah diberi kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Dalam beberapa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang lepas beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen diberi kemudahan-kemudahan rawatan perubatan apabila mereka bersara kelak. Atas prinsip yang sama yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Setelah ditim-

bangkan cadangan Ahli-ahli Parlimen seperti yang telah dinyatakan itu, maka adalah dicadangkan sekarang supaya Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 dipinda untuk membolehkan Ahli Parlimen yang telah bersara dan berkelayakan menerima pencen di bawah Seksyen 3 Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 diberi kemudahan rawatan perubatan sama seperti yang diberi kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Perkhidmatan Awam (atau digelar orang Kerajaan).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.35 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bawakan menyokong Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, semua sedia maklum terutama sekali tugas-tugas yang dijalankan oleh Ahli Parlimen waktu seorang itu menjadi wakil rakyat. Banyak menyumbangkan pemikiran, tenaga dan masa. Ini bolehlah dianggap sebagai pengorbanan mereka kepada negara. Walaupun sewaktu menjadi Ahli Parlimen ada menerima pembayaran yang sederhana tetapi kalau hendak dibandingkan dengan tanggungjawab dan masalah-masalah yang dihadapi oleh seseorang Ahli Parlimen itu tidaklah seimbang dengan pendapatan yang dibayar. Maka dengan adanya Pindaan Rang Undang-undang ini menunjukkan iaitu pihak negara kita menghargai tugas-tugas yang diusahakan oleh Ahli-ahli Parlimen tersebut. Maka dengan ini pindaan-pindaan Rang Undang-undang ini amatlah sesuai dan kena pada masanya.

4.36 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan ahli Parlimen (Pindaan).

Saya memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan atas pindaan yang diberi kepada Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 ini. Khasnya kepada pindaan yang memberi kemudahan perubatan tertentu kepada bekas Anggota-anggota Parlimen. Walau bagaimanapun terbit daripada pindaan ini, saya ingin mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah kedudukan seorang bekas anggota wanita dan keluarganya? Di dalam Jadual (Seksyen 10) Akta ini, ahli keluarga seorang bekas anggota diertikan sebagai isteri, anak-anak termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah dalam segi undang-undang, dan balu selagi balunya tidak berkahwin walau bagaimanapun kedudukan seorang bekas anggota wanita dan keluarganya di dalam kontek ini kerana tidak terdapat di dalam Akta ini jika tidak ada kemudahan yang diberi. Saya syorkan peruntukan Akta ini diluaskan supaya ahli-ahli keluarga termasuk juga suami bekas seorang anggota wanita itu serta anak-anaknya dan keluarganya juga diberi keistimewaan yang sama. Kerana saya fikir, apa keistimewaan yang diberi kepada seorang anggota lelaki dan keluarganya patut juga diberi kepada seorang anggota wanita serta keluarganya. Saya berpendapat ini adalah adil memandangkan bahawa perkhidmatan dan pekerjaan seorang anggota wanita itu sama, tidak lebih dan tidak kurang daripada seorang anggota lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perkara ini, izinkan saya menimbulkan masalah pembayaran pencen dan ganjaran di mana seorang anggota wanita itu meninggal dunia, adakah hak-hak dan faedah yang diberi kepada balu, anak-anak dan wakil dirinya di sisi undang-undang kepada seorang anggota lelaki itu juga diberi kepada suami kepada anak-anak dan wakil dirinya di sisi undang-undang kepada seorang anggota wanita. Kiranya tidak, saya ingin mendesak Kerajaan supaya memandang berat atas perkara ini dan meminta Kerajaan supaya membuat pindaan untuk membetulkan kedudukan kami kaum wanita supaya sama dengan kaum lelaki. Desakan ini mungkin Kerajaan ataupun Menteri yang berkenaan akan menjawab dan mengatakan sebab Akta ini tidak dimasukkan anggota-anggota wanita supaya mendapat sama keistimewaan dengan anggota lelaki kerana memandangkan di dalam segi undang-undang dan dari segi ugama, wanita tidak

ada tanggungan bagaimana anggota lelaki terhadap nafkah isteri dan anak-anaknya. Tetapi, memandangkan negara kita hari ini telah banyak menghadapi perubahan, ada terdapat wanita-wanita atau isteri-isteri yang telah menerima beban menanggung suami-suami, anak-anak dan keluarganya, kerana perkara seperti ini sudah berlaku dan tetap berlaku. Boleh jadi satu masa nanti anggota-anggota wanita ada mempunyai suami, suami yang tidak ada kerja tetap dan tidak berpencen atau mengidap sakit lumpuh dan sebagainya atau telah meninggal dunia. Jika sekiranya keistimewaan ini tidak diberi kepada Anggota-anggota Wanita apa akan terjadi kepada tanggungan mereka. Maka dengan ini, saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya dapat menimbangkan semula dan membuat pindaan supaya membolehkan anggota-anggota wanita dapat keistimewaan bersama sebagaimana yang didapati oleh kaum lelaki, kerana di dalam Rang Undang-undang ini telah mengatakan iaitu anak-anak angkat yang sah di sisi undang-undang akan mendapat layanan yang baik. Jadi ada juga terjadi anggota-anggota wanita yang tidak berkahwin membela anak angkat yang sah di sisi undang-undang. Jadi apa akan terjadi kepada anak yang dipeliharanya jika tidak mendapat pandangan di segi undang-undang ini. Dengan ini, saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan dapat membuat pindaan sebagaimana yang telah saya rayukan.

4.42 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara berkenaan dengan ganjaran kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini terbuhtilah kepada kita yang mana Kerajaan kita hari ini bukan sahaja telah menerima kasih atau memberi upah kepada orang yang sedang bekerja, tetapi telah menilai kerja yang telah dibuat oleh orang yang terdahulu dari kita. Maka hal ini saya percaya dikehendaki sangat oleh Tuhan supaya mengenangkan jasa kepada siapa yang membuat baik kepada kita. Sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat dari Setapak tadi saya menyokong iaitu patut sangat kita mengenangkan jasa kepada orang yang telah

berbudi ataupun berkhidmat kepada negara kita sebagai Wakil-wakil Rakyat. Walaupun kita tahu mereka ini mendapat berbagai-bagai keistimewaan, tetapi kita tidak menafikan yang mereka ini juga telah mendapat berbagai-bagai cacian.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang jikalau seorang yang telah menjadi Wakil Rakyat sebagaimana saya katakan tadi telah banyak mendapat berbagai-bagai cacian dan juga keistimewaan seperti mendapat pas keretapi dan sebagainya. Saya agak canggung kalau seorang Wakil Rakyat yang mana hari ini kalau dia naik keretapi sebagai Wakil Rakyat, dia mendapat satu pas dan dia dihormati oleh kakitangan keretapi, disebabkan dia ada pas dipanggilnya tuan. Tetapi pihak keretapi tentu tidak tahu apatah lagi gad-gad keretapi yang Wakil-wakil Rakyat itu telah diberhentikan, tetapi saya takut boleh jadi ada di antara Wakil Rakyat yang telah berhenti. Bila dia hendak naik keretapi, dia merasa takut bila dipanggil tuan seperti dahulu, bukan Yang Berhormat lagi dan bila kena panggil dia terasa malu. Jadi, harus ada bekas-bekas Wakil Rakyat yang pada pendapat saya tidak sanggup lagi naik keretapi, sebab dia takut perkara yang saya sebutkan tadi berlaku pada dia. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di sini iaitu Kerajaan kita bertimbang rasa akan memberi sagu hati dan beri wang perubatan dan sebagainya sampai kepada anak angkat dan anak tiri. Ini saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada pihak-pihak bekas Wakil Rakyat, dan saya berpendapat kalau tidak diberi pas sebagaimana Wakil Rakyat yang masih di dalam jawatan patutlah juga diberi pas yang mana membolehkan mereka naik keretapi 12 kali dalam satu tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Selepas bersara dia hendak pergi ke mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Seperti kita juga. Kalau pada hari ini kita boleh naik keretapi dalam Malaysia, begitu juga bekas-bekas Wakil Rakyat, tetapi kita hadkan dalam setahun 12 kali. Saya percaya mereka ini bukanlah hendak naik selalu macam mana kita hari ini. Walaupun kita ada pas kadang-kadang keretapi terlambat ataupun terlambat tunggu di station kita tidak dapat naik. Dengan adanya pas itu bebaslah sedikit naik keretapi, saya mengesyorkan patutlah diberi keistimewaan itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita telah memberi keistimewaan kepada orang yang sakit iaitu orang yang masuk hospital dan sebagainya, kadang-kadang di dunia ia orang-orang yang sihat dia akan menempuh berbagai-bagai dugaan sebagai menghadapi cubaan. Saya berpendapat kepada anak-anak bekas Wakil Rakyat yang sudah bersara dengan cukup syarat atau dapat duit pencen ataupun diberhentikan dengan sebab tidak cukup pencen dan sebagainya, pihak Kerajaan patutlah mengambil berat supaya membantu anak-anak yang berkenaan dapat melanjutkan pelajaran sebagaimana anak-anak yang lain. Kalau bekas-bekas perajurit mengadakan Bekas Ahli Perajurit dengan memberi bantuan kepada ahlinya patutlah bekas-bekas Ahli-ahli Dewan Rakyat ini juga termasuk yang lama dan yang baru mengadakan satu persatuan untuk membela diri, khususnya kepada keluarga-keluarga yang akan datang.

4.46 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen yang dikemukakan ini, saya ucapkan terima kasih bagi pihak Kerajaan yang memandang begitu berat dan menghargai Ahli-ahli Parlimen walaupun mereka sudah tidak berkhidmat lagi atas mengenakan jasanya selain daripada memberi wang habuan diberi pula kemudahan-kemudahan perubatan dengan percuma.

Ini diberi kepada Ahli-ahli Parlimen yang dapat masuk pencen, saya suka juga hendak mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara bagaimana caranya sekiranya Ahli Parlimen itu tidak berpencen, tidak sampai pada had pencen, tetapi dia pernah menjadi Ahli Parlimen, walaupun barangkali kita kata pendulikan dia dengan sebab dia tidak berpencen, tidak dipilih lagi. Tetapi oleh sebab kita memilih Ahli Parlimen berdasarkan parti-parti politik, kadang-kadang dia berhenti jadi Ahli Parlimen bukan dengan kehendak dia, barangkali dengan kehendak negara juga atau dengan kehendak parti yang berkenaan atau Kerajaan yang berkenaan, kadang-kadang dia terpaksa mengundurkan diri dengan sebab hendak memberi kerusi kepada orang lain atas kepentingan negara. Had dia tidak

cukup sampai kepada tempoh pencen, tetapi dia telah menjadi seorang Ahli Parlimen dan telah berkhidmat kepada negara. Ini patutlah juga kita beri pertimbangan sekurang-kurangnya beri kemudahan perubatan kepada siapa juga yang sudah menjadi Ahli Parlimen, walaupun tidak sampai tempoh pencen, beri juga kemudahan kepada dia atas menghargai dia, kecualilah kalau dia tertolak daripada Parlimen dengan sebab jenayah, barangkali dengan kesalahan jenayah kita tidak dapat hendak memberi maaf kepada dia.

Kalau sekiranya kesalahan dengan sebab dia tertolak bukan dengan kehendak parti atau bukan kehendak ketua parti pada masa itu atau bukan dengan kehendak Kerajaan barangkali dia tidak terpilih, maka patut kita beri pertimbangan kepada dia kerana dia pernah menjadi seorang Ahli Parlimen, asalkan dia berkelakuan baik dan tidak membuat sebarang kesalahan jenayah.

4.48 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan).

Saya suka memberi sedikit pandangan kalau-kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tertinggal atau terlupa dan apa yang saya hendak cakap tadi telahpun dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah, dan perkara-perkara yang hendak saya cakapkan begitu juga, dan saya ingat tidak payahlah saya cakapkan lagi. Apa yang saya hendak cakapkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah dalam muka 2 iaitu para 2. Dalam bahasa Inggeris nampaknya lebih tepat atau lebih terang iaitu yang tercatat di sini "members of his family" means the wife of the former Member, his children and widow as long as she remains unmarried". Tidaklah boleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat sedikit tambahan berbunyi demikian: members of his or her family, means the wife or the husband of the former Member, his or her children and widow or widower as long as he or she remains unmarried. Saya ingat kalau ditambah sedikit, mungkin Ahli Parlimen wanita atau Anggota-anggota Pentadbiran Wanita tidak berkecil hati dengan sebab kita tengok masa sekarang

sudah ada 6 orang Ahli Parlimen wanita dan juga banyak lagi Anggota-anggota Pentadbiran di kalangan wanita mungkin di dalam beberapa tahun yang akan datang manakala anggota-anggota pentadbiran banyak lagi terdiri dari wanita begitu juga Ahli-ahli Parlimen. Pada fikiran saya sudah wajar dan adil yang mana kita tuntutan sama hak patutlah juga berkenaan dengan perkara ini ditimbang sama.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.51 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya setelah mendengar huraian yang diberi oleh Menteri yang berkenaan semasa membentangkan Rang Undang-undang tadi berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini memanglah sudah sampai masanya untuk dikemukakan bukan sahaja bagi faedah dan kebaikan Ahli-ahli Parlimen yang telah memberi perkhidmatan ataupun yang telah berkhidmat tetapi kepada yang sedang berkhidmat dan yang akan berkhidmat pada masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tugas Ahli-ahli Parlimen bukan lagi boleh dianggap seperti sebagai part-time. Pada masa ini menurut pengalaman saya sendiri-lah tugas-tugas dan kerja-kerja yang dibuat oleh Ahli Parlimen ialah kerja penuh masa (full time) dengan mesyuarat-mesyuaratnya, dengan dailog-dailognya, lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata di kawasan-kawasan pilihanraya kita bukan seperti rakyat 15-20 tahun dahulu boleh diperolok-olokkan, boleh dipermain-mainkan, tetapi sekarang mereka sudah cerdek. Ada kalanya dalam masa dailog itu memang sudah kita hendak membuat sesuatu atau memberi penerangan dan sebagainya kalau kita tidak membuat kajian betul-betul sebelum kita berdailog dengan rakyat supaya apa yang kita katakan itu diterima oleh pengundi-pengundi kita. Di samping itu, saya suka menyentuh satu dua perkara terutama dengan rumah sakit sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan tadi. Bukan saya mengatakan yang Rang Undang-undang ini salah ataupun kerana Rang Undang-undang itu timbulnya pula kerumitan-kerumitan

kepada Ahli-ahli Parlimen ataupun famili-famili Ahli-ahli Parlimen masa hendak pergi ke rumah sakit, tetapi ada peraturannya yang kadang-kala mendatangkan kesusahan kepada Ahli-ahli Parlimen dan keluarganya.

Saya bawa di Dewan yang mulia ini satu contoh. Seorang isteri Ahli Parlimen sakit pada malam hari. Katakanlah, pada pukul 12.00 malam, Ahli Parlimen itu oleh kerana pergi bermesyuarat ataupun Mesyuarat Dewan ini tidak ada di rumah, jadi terpaksa anak beliau mengejarkan isterinya itu ke rumah sakit. Rumah sakit yang dekat ialah sebuah rumah sakit private, katakanlah Assunta Hospital dan dirawat dengan serta-merta dan kerana rawatan ini dapatlah isteri Ahli Parlimen itu diselamatkan daripada penyakit itu yang boleh membawa kepada maut. Apabila bil-bil hospital ini dihantar untuk dibayar sebagaimana peraturannya, maka ragu-ragu pihak yang berkenaan hendak menemui bayaran sebab ada peraturan-peraturannya bahawa hanya di masa kecemasan sahaja boleh Ahli Parlimen atau isterinya dirawat di private hospital.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya di sini ialah apakah istilah emergency itu? Saya mengatakan bahawa emergency itu bukan hanya masa seseorang itu dilanggar oleh motokar, kemudian baru dikatakan satu emergency case boleh dirawat di private hospital. Kes isteri Ahli Parlimen itupun kerana pukul 12.00 tengah malam sudah tersenggut-senggut sudah hendak habis nyawanya, ini juga sungguhpun sakit biasa adalah emergency case, tetapi dengan kebijaksanaan pihak yang berkuasa juga sesudah satu dua bulan bil-bil itu ke sana dan ke mari, maka barulah dapat dibayar, itupun sudah notice itu dan ini diterima daripada Assunta Hospital oleh Ahli Parlimen itu. Tuan Yang di-Pertua, inilah satu perkara yang patut dengan adanya Rang Undang-undang ini pihak-pihak yang berkenaan melihat, menengok supaya jangan ada di dalam melaksanakannya maka timbul kerumitan-kerumitan.

Lagi satu perkara yang saya suka membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan perkataan isteri. Sungguhpun saya mempunyai seorang isteri, tetapi, ada Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai rezkinya lebih daripada satu isteri (*Ketawa*). Jadi, apabila Ahli Parlimen ini meninggal dunia apakah nasib isteri yang

kedua atau yang ketiga itu. Ini juga timbul apa yang saya katakan tadi mengikut peraturan-peraturannya hendaklah ada persediaan-persediaan supaya balu yang kedua atau yang ketiga itu juga dilindungi oleh Undang-undang ini.

Yang ketiga, yang saya suka sentuh ialah berkenaan dengan Wakil-wakil Rakyat ataupun Ahli Parlimen. Kadang-kadang masa kita duduk di Dewan Rakyat ini sebagai Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Rakyat, tetapi mengikut Parti disiplin ada kalanya kita disuruh pula menjadi calon Dewan Negeri. Di dalam Rang Undang-undang ini patutlah pihak yang berkenaan memikirkan satu cara dimana boleh diselaraskan supaya kita pergi ke Dewan Negeri, maka kita juga dapat dilindungi daripada peraturan-peraturan itu.

Sekian sahajalah teguran-teguran saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan tadi.

4.58 *ptg.*

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan). Di dalam Dewan ini tadi kita telah mendengar rayuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semerah dan Sungai Petani yang menitik-beratkan supaya Ahli Parlimen wanita diambil perhatian berat oleh Yang Berhormat Menteri supaya mereka juga mendapat hak-hak istimewa sama dengan Ahli Parlimen lelaki. Saya menyokong penuh di atas rayuan dan permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, kerana kita tahu Ahli-ahli Parlimen ini tidak terhad kepada kebolehan lelaki sahaja, bahkan pada masa sekarang negara telah memandang berat supaya wanita juga mengambil peranan penting kepada negara sebagai Ahli Parlimen dan di negara kita inipun sudah ada salah seorang daripadanya yang menjadi Menteri. Oleh sebab itu, sudah kenalah pada tempatnya supaya Ahli-ahli Parlimen wanita ini diberi keutamaan dan mereka juga mendapat hak-hak mereka bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain. Dengan adanya Akta ini saya berharap pihak-pihak lain yakni mereka yang bukan terdiri daripada Ahli Parlimen tidak menganggap keistimewaan yang dibuat di

dalam Dewan ini untuk Ahli Parlimen dan diluluskan pula oleh Ahli Parlimen dianggap satu perkara yang berlainan daripada Akta-akta yang telah diluluskan. Kita sedia maklum Ahli-ahli Parlimen ini boleh dikatakan sama juga tugasnya dengan pegawai-pegawai yang lain, bahkan tugasnya lebih berat daripada itu. Oleh sebab itu, sudah sesuaiilah Ahli-ahli Parlimen ini diberi pencen dan ganjaran dan juga diberi hak-hak istimewa perubatan.

Selain daripada itu apabila sahaja Ahli-ahli Parlimen ini telah berhak atau berhenti atau pencen, diharap apabila sahaja mereka ini ataupun kami pencen daripada menjadi Ahli Parlimen diharap pencen dan ganjarannya dapat diberi dengan segera. Kerana kita dapat tahu pihak-pihak pegawai Kerajaan selalu sahaja sejak akhir-akhir ini mengadakan rungutan dan sebagainya kerana pencen dan ganjaran mereka kadang-kadang lewat sampai kepada mereka, sesudah sahaja mereka pencen.

Dalam perkara perubatan bagaimana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Akta ini saya berharap tidaklah bermaksud menggalakkan Ahli-ahli Parlimen memiliki isteri lebih dari seorang. Sungguhpun sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi mungkin ada, tetapi pada pendapat saya ataupun kepada pengetahuan saya tidak seorang pun daripada Ahli Parlimen yang ada sekarang mempunyai isteri lebih daripada seorang. Kalau ada, itu tidak termasuk ke dalam pengetahuan saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen juga sama seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, mereka ini makin lama makin tua dan selepas itu akan bersara dan apabila seorang manusia sudah beransur tua macam-macam akan menimpa dirinya, terutama sekali penyakit-penyakit mulalah melawat kepada mereka yang telah tua ini. Jadi dalam keadaan begini sesuaiilah pihak Kerajaan menyediakan satu peraturan supaya Ahli-ahli Parlimen yang bersara sepertimana juga pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara mendapat hak-hak di dalam hospital, bukan sahaja mereka, bahkan isteri dan anak-anak mereka pun diberi juga rawatan perubatan yang sempurna.

Terlebih dahulu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudah memandang

berat perkara ini dan mengambil perhatian berat supaya tidak ada Ahli Parlimen apabila sahaja sudah bersara, mereka ini akan terlantar dengan tidak mendapat rawatan yang sebaik-baiknya daripada Kerajaan sepertimana biasa juga kita dapat tahu ada pegawai-pegawai Kerajaan kita yang sudah bersara kadang-kala tidak mendapat rawatan yang sebaik-baiknya. Jadi, selain daripada Ahli Parlimen itu sendiri, isteri dan anak-anaknya yang akan diberi rawatan bukan sahaja pada masa ia menjalankan tugas bahkan pada masa ia bersara, tidaklah pula dianggap oleh pihak-pihak lain mengatakan Ahli Parlimen ini sudah mendapat hak-hak istimewa yang terlalu lebih daripada rakyat. Kerana sebagai Ahli Parlimen selain daripada rawatan perubatan yang telah diberi sepertimana yang ada sekarang, selain daripada apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mendapat pas keretapi percuma, hanya ada beberapa lagi keistimewaan pada masa menjalankan tugas. Saya berharap tidaklah pihak-pihak lain pula menganggap dengan lulusnya Akta ini sudah menambah terlalu banyak hak-hak istimewa Ahli Parlimen, bukan sahaja pada masa mereka menjadi Ahli Parlimen atau bukan sahaja pada masa kami menjadi Ahli Parlimen, bahkan pada masa kami akan bersara kelak. Mudah-mudahan dengan penerangan ini tidak timbul salah faham daripada mana-mana pihak pun, kerana biasa kita dengar kadang-kadang timbul daripada beberapa ataupun sesuatu pihak mengatakan Ahli-ahli Parlimen ini sudah mendapat terlalu banyak hak-hak istimewa, tidak sepadan dengan mereka, kerana kalau dibandingkan dengan kelulusan, kalau dibandingkan dengan kebolehan terutama sekali pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai jawatan tinggi, tentulah ada perbezaan dari segi akademik. Tetapi saya suka memaklumkan sebagai Ahli Parlimen bukan ada ukuran dari segi itu, hanya sebahagian daripada syarat-syarat menjadi Ahli Parlimen, ada sebahagian daripada kajian dalam hal-hal akademik. Ini berbeza dengan pegawai-pegawai Kerajaan, oleh sebab itu tidak ada salah faham timbul dan tidak ada kekeliruan daripada mana-mana pihak pun apabila sahaja Akta ini telah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, dan bukan sahaja kami Ahli-ahli Parlimen akan mendapat hak-hak daripada kelulusan Akta ini, bahkan diharap kepada semua pihak menyokong Akta yang kami luluskan di dalam Dewan

ini. Dengan harapan ini mudah-mudahan tidak timbul salah faham di antara Ahli Parlimen dengan pihak rakyat dan dengan adanya Akta ini juga sudah dapatlah pula Ahli-ahli Parlimen ini menikmati sebagaimana juga pegawai-pegawai Kerajaan yang ada di negara kita, masaalah pencen, ganjaran dan layanan perubatan.

Di dalam masa menjalankan tugas, kita dapati pengalaman kami sebagai Ahli Parlimen, jika dibilang di dalam hospital-hospital mungkin tidak ramai ataupun terlalu kurang mendapat rawatan perubatan di dalam hospital-hospital, tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi apabila Ahli-ahli Parlimen ini telah bersara dan mereka ini sepertimana rakyat yang lain juga akan tua; yang sudah hidup lama tentulah akan menempuh berbagai-bagai penyakit sebelum mereka ini meninggal dunia, sudah sesuailah mendapat rawatan, kalau dapat biarlah pada masa itu diberi rawatan sebagaimana juga diberi rawatan pada masa mereka sakit semasa menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen. Janganlah pula apabila sahaja seorang Ahli Parlimen telah bersara dan beliau itu memerlukan rawatan di hospital, beliau itu sudah dianggap tidak lagi sebagai Ahli Parlimen dan tidak diberi rawatan yang sebaik-baiknya supaya penyakitnya dapat sembuh dengan segera. Sebagai rakyat biasa yang lain juga Ahli Parlimen yang sudah bersara, saya percaya kalau dapat tidak mahu duduk di dalam hospital ataupun ingin menikmati rawatan perubatan yang istimewa terlalu lama, bahkan jika dapat ia sendiri, isteri ataupun anak-anaknya, jika diberi rawatan biarlah rawatan itu dapat sembuh dengan seberapa segera dan dapat pula mereka itu keluar daripada hospital dan dapat menjalankan tugas-tugas sepertimana hidup sahabat-sahabat mereka yang lain.

Saya berharap sebagaimana juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang terdahulu daripada saya, yang sudah menyokong Akta ini, sepertimana yang disebutkan tadi, saya menyokong penuh Akta ini dan sebagaimana saya sebutkan tadi dengan adanya kelulusan ini tidaklah mana-mana pihak akan menganggap Ahli-ahli Parlimen itu mendapat hak keistimewaan terlalu lebih daripada yang sepatutnya.

5.13 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak

terima kasih kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan pada Bil yang saya telah bentangkan tadi. Saya berasa susah hati menyatakan iaitu berkenaan dengan keistimewaan perubatan selepas bersara adalah diberi kepada Ahli Parlimen yang menerima pencen sahaja. Ini bermakna tiap-tiap Ahli Parlimen yang telah berkhidmat 9 tahun atau lebih di mana Ahli itu mendapat pencen, maka selepas dia bersara, dia, anak-anak, isterinya dan lain-lain dapat menerima rawatan perubatan. Mereka yang tidak berpencen, yang tak cukup 9 tahun khidmatnya, tidak mendapat rawatan, sebagaimana juga pegawai-pegawai Kerajaan yang tak berpencen, tetapi berhenti sebelum sampai umur berpencen, tidak juga mendapat rawatan perubatan kerana dia bukan pegawai persaraan atau berpencen.

Kedua, berkenaan dengan teguran ahli dari Kangar, Ahli Yang Berhormat yang sudah bersara meminta pas keretapi 12 kali setahun. Saya fikir terang dan nyata bagi pihak Kerajaan sememang ditolak terus, tak ada sebab orang itu sudah bersara patut dapat 12 kali pas keretapi, Ke mana dia hendak pergi, dan apa tujuannya saya pun tak tahu. Rasa saya lebih lagi merbahaya jika diberi pas percuma begini, kerana kalau seorang itu Ahli Yang Berhormat masih menjalankan tugas patut kita beri pada keretapi itu, tetapi kalau sudah bersara apa tugasnya saya pun tak tahu. Barangkali bukan untuk mendatangkan kebajikan, barangkali boleh mendatangkan keburukan kepada mereka itu kalau diberi pas percuma 12 kali setahun.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah dan juga disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya menyatakan di sini iaitu saya berasa susah hati menyatakan undang-undang ini terang dan nyata ialah diberikan kepada Ahli Parlimen laki-laki. Sekiranya Ahli Parlimen itu wanita, maka apakala dia pencen, kalau mengikut undang-undang yang ada, dia seorang sahaja yang mendapat faedah, tidak suaminya dan tidak anak-anaknya. Demikian juga berkenaan dengan pencen 12½ tahun, biarlah saya terangkan di sini supaya semua Ahli Yang Berhormat boleh maklum. Satu kemudahan yang mana kalau seorang Ahli Parlimen telah pencen dan belum sampai 12½ tahun pencennya itu, dia meninggal

dunia, maka tanggungannya dan anak-anaknya akan menerima pencen baki yang 12½ tahun. Saya bacakan di sini:

“Where a person to whom a pension has been granted under section 3 dies within a period of twelve and a half years of the date of his last ceasing to be a Member, his widow or his widows (isteri atau isteri-isterinya) and minor child or minor children, may be granted a pension of the same amount as the pension was paid or payable to the Member under that section for a period not exceeding the difference between the aforesaid period of twelve and a half years and the period during which the pension was paid or payable to the Member”.

Bermakna terang dan nyata Ahli Parlimen wanita di sini kalau dia mendapat pencen sebelum sampai genap 12½ tahun selepas pencen dia meninggal dunia, suami dan anak-anaknya tidak akan menerima apa-apa faedah, tetapi bagi Ahli Parlimen laki-laki kalau 12½ tahun selepas pencen dia meninggal dunia isteri atau isteri-isterinya dan anak-anaknya akan menerima pencen itu sehingga cukup 12½ tahun. Prinsipnya ialah mengikut, rasa saya, sebagaimana pegawai Kerajaan juga. Pada masa ini pegawai-pegawai Kerajaan perempuan yang meninggal dunia maka suami dan anak-anaknya tidak akan mendapat faedah daripadanya. Saya fikir prinsipnya ialah dengan sebab dipandang seorang isteri dan anak-anaknya adalah tanggungan suami. Walau bagaimanapun, saya ingin membawa pandangan dan rayuan Ahli Parlimen wanita dan juga disokong oleh laki-laki tadi, kepada Kerajaan. Yang saya dapat tahu setakat ini daripada Kerajaan, yang boleh ditimbangkan ialah bukan suami, tetapi anak-anak Ahli Parlimen wanita itu sebagai dependant atau tanggungannya akan diberi kemudahan itu dan ditimbangkan, dan saya fikir mustahak undang-undang ini pada masa yang akan datang dipinda sekali lagi kalau hendak diberikan kemudahan itu. Walau bagaimanapun, saya nyatakan di sini, sebab-sebabnya tadi mengapa Ahli Parlimen wanita kalau meninggal dunia suaminya tidak diberi pencen itu ialah dengan sebab suaminya bukan tanggungan si isteri, dan sebaliknya isteri itu adalah tanggungan suami. Walaupun demikian, saya akan bawa rayuan itu kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi, saya fikir perkara ini sememangnya sukar sedikit hendak diketahui kalau isteri atau anak-anak kita sakit tengah malam, samada hendak dibawa ke General Hospital atau Asunta Hospital yang dekat dengan rumahnya. Saya fikir pada masa yang akan datang, ini berkenaan dengan pelaksanaan dan peraturan adalah lebih senang bagi Ahli Yang Berhormat, kalau terpaksa membawa anak-anak atau isteri ataupun ia sendiri pada tengah malam pada satu hospital yang bukan hospital Kerajaan, hendaklah diambil satu surat daripada doktor itu menyatakan kes itu dibawa ke hospital itu dengan sebab-sebab yang tak dapat dielakkan atau kecemasan. Dengan surat itu senang, saya fikir, Kerajaan menimbangkan dan akan membayar segala bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, had itulah yang dapat saya jawabkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BINATANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.22 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Binatang, 1953 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa 10—15 tahun yang lampau, Malaysia telah mencapai kejayaan dalam perkembangan perusahaan ternakan dengan pesatnya. Nilai perusahaan yang dijalankan dalam tahun 1973 telah meningkat kepada \$670 juta. Kejayaan itu selain daripada disebabkan oleh cara-cara baharu yang telah diujjkan di dalam bidang pemeliharaan dan pembiakan ternakan, juga disebabkan oleh tindakan kawalan penyakit-penyakit yang rapi yang telah dilancarkan oleh Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dengan tindakan-tindakan ini negara kita telah terselamat dan terjauh daripada penyakit-penyakit ternakan yang merbahaya seperti penyakit Mulut dan Kuku, Rinderpest dan lain-lain yang didapati di beberapa negara jiran kita.

Sungguhpun penyakit Mulut dan Kuku telah terjadi di Utara Semenanjung Malaysia pada awal tahun 1973 dan sebelum itu di Perak pada tahun 1935-1939 dan penyakit Rinderpest tidak terjadi langsung pada masa lima puluhan yang lalu, tetapi penyakit Anjing Gila masih terjadi di negara kita dari semasa ke semasa, umpamanya, di Perlis pada tahun 1970, di Kedah pada tahun 1970, 1972, 1973 dan 1974, di Selangor pada tahun 1970, 1973 dan di Pulau Pinang pada tahun 1975. Penyakit-penyakit ini telah dapat dikawal. Penyakit-penyakit ternakan yang lain seperti penyakit Haemorrhagic septicaemia di antara ternakan lembu dan penyakit demam babi di antara ternakan babi terus berlaku dari semasa ke semasa di beberapa kawasan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kawalan penyakit-penyakit ternakan yang merbahaya itu telah dapat dijalankan dengan menggunakan Rang Undang-undang Binatang, 1953 yang ada memberi kuasa kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri mengisytiharkan negerinya atau mana-mana kawasan di dalamnya sebagai kawasan penyakit yang berjangkit. Sungguhpun begitu, peraturan di bawah Rang Undang-undang sekarang ini ada mempunyai beberapa kelemahan—ianya tidak memberi kuasa yang cukup kepada pihak berkuasa Jabatan Haiwan untuk mencegah, mengawal dan menghapuskan kejadian penyakit yang merbahaya itu.

Peraturan Undang-undang Binatang di bawah Seksyen 36 yang ada sekarang cuma memberi kuasa kepada Menteri-menteri

Besar dan Ketua-ketua Menteri mengisytiharkan negerinya atau mana-mana kawasan di dalamnya sebagai kawasan penyakit berjangkit apabila sahaja penyakit itu berlaku. Misalnya, pada tahun 1973 yang lalu di negeri Perlis, sungguhpun ada diketahui penyakit Mulut dan Kuku telah terjadi di negara jiran kita berdekatan dengan sempadan Utara Malaysia, tetapi peraturan dalam Rang Undang-undang sekarang ini tidak membolehkan apa-apa tindakan diambil untuk menjauhkan penyakit itu, cuma apabila penyakit itu terjadi di antara ternakan-ternakan di negara kita baharulah pihak yang berkuasa dapat membuat pengisytiharan mengawalkan penyakit itu. Ketiadaan peraturan ini telah tidak dapat membolehkan tindakan yang tegas diambil oleh pihak berkuasa untuk menjauhkan penyakit itu daripada merebak dan berjangkit kepada ternakan-ternakan lain di negara kita. Ternakan-ternakan di Utara Semenanjung Malaysia telah menerima ancaman mala-petaka ini. Akibatnya 390 ekor lembu, kerbau dan kambing telah mendapat penyakit Mulut dan Kuku dan Kerajaan telah terpaksa membelanjakan wang sebanyak \$110,000 untuk mengawalkannya.

Dengan pindaan yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang Binatang, 1953 ini, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri diberi kuasa untuk mengawal dan menghapuskan penyakit-penyakit ternakan yang merbahaya itu, bukannya sahaja apabila sesuatu penyakit ternakan yang merbahaya itu terjadi di negeri-negeri atau di mana-mana kawasan di dalamnya, bahkan juga apabila ada kemungkinan yang penyakit itu akan merebak dari tempat-tempat yang lain, di dalam dan dari luar negeri. Kuasa juga diberi kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri untuk menjalankan tindakan-tindakan bagi mengawal penyakit-penyakit ternakan yang telah berlaku di dalam negeri dengan tujuan untuk menghapuskan penyakit itu sama sekali.

Pindaan yang dicadangkan juga memberi kuasa kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri mengeluarkan perintah melarang pindahan, penyembelihan dan penjualan binatang, burung, daging dan bangkai ternakan (carcasses) dan juga untuk mengenakan syarat-syarat mengenai pembersihan pasar-pasar, rumah-rumah sembelih dan sebagainya. Di bawah Rang Undang-undang yang ada sekarang ini kuasa

yang diberikan tidak meliputi daging dan bangkai ternakan (carcasses), cuma ianya meliputi pindahan binatang-binatang dan burung-burung yang hidup sahaja.

Apabila pengisytiharan kawasan penyakit ternakan dibuat, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri juga diberi kuasa untuk menambahkan apa-apa syarat kepada permit atau lesen yang dikeluarkan, atau menarik balik apa-apa permit atau lesen pengimpotan binatang, burung atau daging.

Pindaan-pindaan ini juga memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah Jabatan Haiwan Negeri mengeluarkan perintah-perintah yang perlu untuk mencegah penyakit atau mengawal apa-apa binatang, burung, daging dan bangkai (carcasses) yang didapati berke- liaran atau dijual atau disembelih tanpa menurut perintah atau peraturan yang di- keluarkan.

Pindaan telah juga dibuat kepada Seksyen 51 bagi membolehkan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri mengawal populasi dan mutu ternakan di negeri-negeri itu dengan menetapkan bayaran bagi lesen untuk memindah ataupun menyembelih ternakan- ternakan di negeri masing-masing. Perun- tukan sedemikian tidak terdapat dalam Rang Undang-undang yang ada sekarang ini.

Pindaan yang dibuat kepada Seksyen 68 ini memastikan tindakan segera dapat di- ambil oleh pihak berkuasa dengan tiada ter- lebih dahulu mendapat perintah daripada Majistret. Tujuannya ialah untuk menye- lamatkan harta-harta itu dari berkerugian. Peraturan yang ada sekarang di bawah Rang Undang-undang Binatang, 1953 cuma mem- beri kuasa kepada pihak Jabatan Haiwan, Kastam dan Polis untuk memusnah, menjual atau membuang sesuatu bahan ternakan yang cepat busuk dengan perintah seorang Majistret sahaja. Oleh kerana ada kalanya didapati Majistret tidak dapat hadir dengan serta-merta maka tindakan itu tidak dapat dilakukan.

Di samping pindaan kepada seksyen- seksyen tersebut, Tuan Yang di-Pertua, se- bilangan pindaan-pindaan lain telah juga di- buat. Pindaan-pindaan ini termasuklah:

- (i) mengubah gelaran jawatan-jawatan se- suai dengan gelaran-gelaran yang di- gunakan sekarang, misalnya, Pengarah Perkhidmatan Haiwan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan; Pe-

gawai Haiwan Negeri ditukar ke- pada Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri;

- (ii) menambahkan denda ke atas mereka yang melanggar perintah seperti yang terdapat dalam seksyen 5 (2), 6 (3), 36 dan 72;
- (iii) memberi kuasa kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di bawah Seksyen 86 membuat peraturan dan melesen tempat-tempat penetasan anak-anak ayam, ladang-ladang ter- nakan, pusat-pusat pernianian beradas dan lain-lain tempat perusahaan ter- nakan.

Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia telah dirundingkan mengenai pin- daan kepada Ordinan Binatang 1953 ini dan Kerajaan-kerajaan tersebut telah bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men- cadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebelum daripada saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibaca kali yang kedua, saya hendak menarik perhatian, barangkali silap cetak agaknya. Dalam ucapan Yang Berhormat tadi ada disebutkan kuasa diberikan kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri (Chief Minister). Dalam seksyen 36 baru ini selepas daripada (a), (b), (c) perkataan, "the Chief Minister may issue". Tidak ada sebut Menteri Besar. Jadi, adakah Chief Minister itu ditakrifkan ter- masuk Menteri Besar?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Termasuk Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah termasuk dalam interpretasi Rang Undang-undang?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Di- fahamkan begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih.

5.33 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di- Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan sebagaimana kita

sama-sama maklum dan dengar saya percaya Rang Undang-undang ini, terutamanya membawa kebaikan kepada negeri saya sendiri iaitu Negeri Perlis. Kita sama-sama maklum dan dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pada awal tahun 1973 Negeri Perlis, walaupun sebuah negeri yang kecil telah mendapat serangan penyakit kuku kepada kerbau-kerbau dan lembu-lembu dan dengan kerana penyakit ini banyak kerbau-kerbau dan lembu-lembu telah dimusnahkan oleh Pejabat Haiwan disebabkan untuk menjaga keselamatan.

Saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini akan bertambah baik lagi kedudukan binatang-binatang iaitu yang menjadi makanan kita semua, samada lembu ataupun kerbau dan juga binatang-binatang lain seperti ayam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tengok bila saya dengar dan saya baca Rang Undang-undang pindaan yang dikemukakan oleh Menteri pada petang ini amatlah sesuai, kerana pada masa-masa yang lepas segala kuasa-kuasa kita beri kepada pihak di atas sahaja. Dengan sebab itu kadang-kadang bila sampai kepada penyakit kita terpaksa hendak bawa kepada Majistret dan sebagainya.

Saya berpendapat di samping saya menyokong, kita tahu ada perkara-perkara yang kalau bukan berkaitan dengan penyakit bolehlah kita bawa ke empat lima tempat ataupun memakan masa. Tetapi kalau satu-satu benda itu bersabit dengan penyakit manusia ataupun binatang, perkara itu tidak boleh ditunggu, kalau ditunggu akibatnya tidak baik. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat salah satu akibat yang tidak baik yang telah berlaku kepada Negeri Perlis, tempat saya tinggal kerana kita hendak ambil kuasa untuk memusnahkan benda yang kecil, lama-lama benda itu telah merebak. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini saya percaya benda yang telah terjadi tidak akan terjadi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengadakan Rang Undang-undang yang dapat kita memusnahkan binatang-binatang yang didapati ada penyakit, saya berpendapat eloklah pejabat ataupun Kementerian yang berkenaan mengikhtiar, mencari ubat-ubat yang agak baik supaya dapat menahan dahulu daripada mengenakan penyakit supaya tidak payahlah kita memusnahkan binatang-binatang itu dengan begitu banyak.

Kadang-kadang saya berasa kasihan dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sependapat dengan saya, walaupun binatang itu tidak boleh bercakap dan binatang itu adalah makanan kita, tetapi anih sangat, sungguhpun kita boleh sembelih sebagaimana saya katakan tadi, tetapi bagi pihak pembela yang mempunyai hak kepada binatang-binatang yang berkenaan maka amatlah sedih dan pilu. Walaupun pihak Kerajaan sesudah memusnahkan, pihak Kerajaan telah memberi gantirugi, tetapi pihak tuan punya yang membela binatang yang berkenaan amatlah sedih dan pilu. Walaupun binatang itu tidak boleh bercakap, tetapi cara peri kemanusiaan yang mana binatang itu telah memberi khidmat kepadanya sebagai membajak sawah dan sebagainya maka mereka amatlah sedih. Maka dengan sebab itu, selain daripada cara memusnahkan saya berharaplah dengan zaman sains dan teknologi ini patut mencari ikhtiar yang sesuai supaya binatang ini kalau tidak ada jalan lain barulah dapat kita musnahkan. Apa yang saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, kita juga manusia, dia tidak jadi penyakit seperti penyakit binatang dengan penyakit ayam. Saya amatlah hairan kerana penyakit ayam yang mana disebutkan dalam Bill ini burung-burung, binatang-binatang dan sebagainya kalau sakit, sakit diperut. Tidak tahulah saya oleh kerana mereka itu binatang, kita tidak boleh ikhtiar cara mengubatnya supaya dia baik juga, terpaksa kita tembak. Jadi pada pendapat saya, saya menegaskan sekali lagi tolonglah ikhtiar mencarikan ubat-ubat kepada binatang-binatang samada kerbau, lembu ataupun ayam-ayam yang kita dapati hari ini sedang menjadi-jadi.

Yang kedua, memandang keadaan daging yang datang daripada lembu dan kerbau, saya yakin dan percaya yang mana di negara kita walaupun sudah bertambah, tetapi harus tidak cukup kerana saya biasa mendengar daripada beberapa pejabat yang berkenaan mengatakan kita terpaksa ambil daging daripada luar negeri. Ini menunjukkan negara kita sendiri tidak cukup daging. Jadi, saya berharap dan berseru kepada Kerajaan supaya membanyakkan lagi tempat-tempat ternakan dan mengadakan cara-cara baru. Apatah lagi hari ini walaupun perkara ini kita pandang kadang-kadang kalau hendak kata dosa saya fikir tidaklah dosa. Itu terserahlah kepada alim ulama kerana yang saya cakap ini saya tahu ayam, kita dapat kurung di satu tempat dia boleh bertelur

dengan tidak berbapa. Begitu juga dalam zaman sains dan teknologi ini pula, kata orang dengan cara permainan beradas. Maka lembu dengan tidak ada bapa boleh beranak. Ini satu perkara yang baru. Dari segi perikemanusiaan atau segi ugama saya tidak hendak sentuh. Tetapi segi zaman kemajuan, ini adalah memberi kebaikan kepada kita yang kita akan dapat membela seekor lembu betina dengan tidak payah cari bapa dia akan dapatkan anak dengan cara permainan beradas. Ini kita ucapkan syabas kepada Kementerian yang berkenaan, pandai meredakan satu bentuk atau mencari satu bentuk, yang kalau kita mahu cari satu benda, kena cari dua alatan, sekarang kita dapat satu alat dengan dapat tujuan yang sama seperti satu alat tadi.

Jadi, dengan sebab itu saya berharap Kementerian yang berkenaan membanyakkan tempat sebagaimana saya katakan tadi dan makanan-makanan yang makan sedikit tetapi dapat mengenyangkan. Apa sebabnya saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri masa yang lepas saya tidak begitu tahu, tetapi saya sudah tiga-empat tahun yang lepas saya sendiri telah menjadi seorang penternak ayam. Saya pelihara dalam sebuah sangkar macam mana di tempat-tempat yang lain orang pelihara, ayam tidak berbapa yang saya katakan tadi dapat dikutip telur dan makannya pula dibuat secara istimewa. Begitu juga lembu-kerbau. Ini juga saya berpendapat, boleh kita cari makanan-makanan yang kita tanam pada satu tempat yang khas. Jadi dapatlah kita bela lembu, kerbau atau binatang ternakan itu dengan banyak dan menggunakan tempat yang sedikit dengan makanan istimewa, tetapi makanan itu berzat. Kalau kita hendak guna tempat yang banyak, tentulah tanah kita tidak cukup ataupun itu makan masa yang panjang ataupun pembela yang amat banyak.

Kita tahu, daging-daging lembu-kerbau telah masuk dari luar negeri. Jadi negeri saya sendiri Perlis, saya tidak tahulah kata, walaupun negeri itu kecil, tetapi bersyukurlah setakat hari ini dapat daging yang harganya tidak begitu mahal. Kalau dibandingkan dengan di Kuala Lumpur \$1 lebih murah.

Yang ketiga, saya berharap yang mana Kerajaan hari ini telah memberi Rancangan Pawah kepada orang-orang awam dengan melalui ketua-ketua kawasan ataupun penghulu-penghulu Mukim ataupun Penggawa

kata orang Kelantan kepada penduduk-penduduk kampung. Saya berharap pemberian ini juga patut diberi lembu-lembu ataupun kerbau-kerbau dan binatang-binatang ternakan yang lain seperti ayam, itek jenis binatang yang benihnya baik yang dapat kita bawa masuk dari luar negeri supaya dapat dipelihara oleh orang kampung dengan cara pawah. Tetapi saya dapati hari ini kadang-kadang kita beri kepada penduduk-penduduk kampung yang kita buat syarat sendiri kita beri kepada satu kontrek suruh mereka ini cari, kerana kerbau-lembu yang diberi itu ketot dan kecil macam kambing, walhal kita di zaman sains dan teknologi kita tengok di tempat lain lembunya tinggi, bukan main cantik, maknanya saya kata besar panjang, susuhnya banyak, tetapi kadang-kadang kita beri kepada orang kampung lembu yang agak macam keldai, kecil sangat. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan selain daripada kita kata musnah, tetapi berhentikanlah terus-menerus cara pembahagian benih-benih yang tidak baik ini kepada orang kampung. Baik pun lembu ataupun kambing. Saya yakin dengan rancangan-rancangan ini membawa kedudukan ekonomi kita dari segi makanan daging lembu-kerbau dan sebagainya akan mencukupi sekiranya Kerajaan akan mengambil langkah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik atas Rang Undang-undang ini kerana di sini disebutkan burung dan sebagainya, kalau tidak silap saya burung termasuklah burung hutan ataupun ayam, jenis yang ada sayap boleh dikatakan burung. Banyak daripada penduduk-penduduk negara kita ingin memelihara ayam. Saya percaya ada di antara Wakil-wakil Rakyat kita yang memelihara ayam, saya tidak mahu sebutkan nama orang yang berkenaan, barangkali harus tersinggung, tetapi saya biasa menjadi penternak ayam. Jadi, kadang-kadang pihak yang membuatkan makanan ayam ini harganya terlampau mahal. Bila kita hendak jual telur yang telah kita dapat hasil daripada ternakan tadi, bila dibandingkan dengan makanan yang dibuatkan oleh industry ataupun satu kumpulan yang membuat makanan ayam ini terlampau mahal. Maka dengan sebab itu saya berharap

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan Rang Undang-undang ini adakah termasuk kawalan berkenaan dengan

harga ayam dan telur. Saya dengar tadi hendak mengawal penyakit, kata Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya baca di sini ada sebutkan burung atau ayam. Saya maksudkan di sini burung itu ayam. Jadi untuk membayakkan ternakan ayam yang mana kita tahu telur kita tidak begitu cukup, dan kalau cukup akan murah lagi dan dapat digunakan oleh rakyat dalam negara kita. Maka saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan, selain daripada Kementerian mengambil berat di atas cara pentadbiran hal-hal binatang lain, cara memajukan penternak tadi patutlah diambil berat bersama iaitu tentang makanan-makanan binatang baik pun lembu kerbau termasuklah binatang ayam yang saya maksudkan tadi.

5.46 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong pindaan Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) yang dikemukakan oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Dalam negara kita yang sedang membangun, berbagai cara rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan, salah satu daripadanya melalui Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar banyak menggunakan berbagai rancangan untuk menolong, terutamanya sekali penduduk-penduduk luarbandar memberi bekalan pada benih-benih binatang. Dan mengikut apa yang kita lihat dalam negara kita jumlah yang besar daripada penduduk-penduduk itu gagal, kerana binatang-binatang yang dipelihara yang diusahakan itu mati diserang oleh penyakit. Maka saya berharap dengan adanya pindaan Rang Undang-undang Binatang ini dapat dikuatkuasakan dan menyelamatkan penternak-penternak dan petani-petani yang menjalankan usaha memberi nafkah hidup melalui ternakan. Kita juga berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini, bukan sahaja dapat menyelamatkan binatang-binatang itu, bahkan kita dapat mengelakkan sebarang percubaan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk hendak merusakkan keadaan ekonomi negara kita melalui impot binatang-binatang.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, kenapa pada hari ini harga daging naik

terlalu tinggi di pasaran kalau dibandingkan dalam beberapa tahun yang lalu. Ini ialah kerana kekurangan binatang-binatang di dalam negara kita di dalam pemeliharaan manusia.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di dalam negara kita yang penuh dengan tumbuh-tumbuhan tidak sepatutnya negara kita mengalami keadaan itu. Kita berharap dengan adanya kuat-kuasa Undang-undang ini pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat menjalankan usaha-usaha menternak secara besar-besaran supaya bahan-bahan makanan yang dikehendaki untuk warga-negara kita mencukupi dengan harga yang berpatutan.

Sebagai sebuah negara yang penuh dengan pokok tumbuhan, kita tidak seharusnya mengimpot daging-daging, kerana kita cukup dengan hawa yang ada dalam negara kita ini yang boleh memelihara binatang-binatang dan sepatutnya mencukupi untuk hendak makanan negara kita. Sekarang ini kita terpaksa mengimpot daging-daging daripada luar negeri. Sepatutnya kita menjadi pengimpot dan boleh menyelamatkan pertukaran wang asing. Masaalah ini dihadapi oleh petani-petani dan penternak-penternak dari segi pengetahuan peliharaan binatang-binatang untuk dimakan. Saya berharap Kementerian ini selain daripada menguatkuasakan Rang Undang-undang ini, dapat juga menyediakan pusat latihan menyeluruh pada seluruh negara supaya penternak-penternak kaya dengan pengetahuan bukan cara hendak menternak dan bahaya-bahaya dan jenis-jenis penyakit yang akan dihadapi oleh binatang-binatang. Dengan cara begini juga kita akan memberi galakan, kalau tidak walaupun beberapa banyak kuatkuasa Undang-undang ini berjalan, maklumlah seorang petani atau seorang penternak kalau telah membela binatang berbulan baharu separuh jalan didapati binatang ini dihinggap oleh penyakit kalau tidak dijaga dengan betul-betul, mengikut undang-undang binatang-binatang itu akan dimusnahkan dan mereka akan menempoh kerugian. Ini akan menaikkan satu semangat kemarahan kepada petani-petani itu. Dan dengan perasaan kemarahan ini mereka tidak mahu menjalankan usaha seperti itu. Jadi inilah sebabnya

kita lihat dalam negara kita dari setahun kesetahun kita lihat kekurangan bahan-bahan makanan dan kenaikan harga barang-barang makanan kerana tidak ramai lagi warganegaranya sendiri mengambil bahagian dalam ternakan. Saya berharap juga dengan adanya nanti satu badan, pusat latihan atau institusi dapat dijalankan secara menyeluruh dan akan memberi pengetahuan kepada orang ramai dan dengan tersendirinya Rang Undang-undang ini dapat berjalan dengan berkesan kerana kalau kesedaran telah didapati oleh penternak-penternak yang tahu betapa bahayanya seekor binatang yang dihinggapinya penyakit kalau hendak dijual yang menjadi bahan makanan. Ini tidak payah lagi tekanan Rang Undang-undang dikenakan kepada mereka kalau setiap petani itu telah mempunyai kesedaran.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini kalau dapat berjalan dengan berkesan, saya berharap bukan sahaja barang-barang makanan dari segi binatang ini dapat diturunkan harganya bahkan akan dapat menambahkan lagi hasil negara kita untuk dihantar keluar negeri.

5.52 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh di atas Rang Undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah mengambil inisiatif dan daya-usaha bagi mengatasi masalah yang dihadapi dan yang telahpun dapat diatasi dengan pindaan-pindaan yang dikemukakan kepada Dewan ini. Niat pindaan ini amatlah baik dan kerana itu saya suka membuat sedikit sahaja teguran oleh kerana saya khawatir kalau masalah technicality akan merosakkan niat-niat yang baik yang ada terkandung di dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Maksud saya, ialah saya suka merujukkan Clause 10 yang menyatakan:

“All fees imposed, paid or collected before the commencement of this Act in respect of any licences issued under an order made by the Menteri Besar or Chief Minister of any State.”

Di situ perkataan “the Menteri Besar” ada tercatat di situ. Tetapi dalam Clause 4 Section 36(1) yang mana kuasa (a), (b), dan (c) di situ menyatakan:

“Whenever there is reasonable cause to believe that—

(a) xx	xx	xx	xx
(b) xx	xx	xx	xx
(c) xx	xx	xx	xx

the Chief Minister may issue an order”

Perkataan “Menteri Besar” tidak ada disitu. Sungguhpun ada Undang-undang the Interpretation and General Clauses mungkin dapat digunakan untuk menyatakan bahawa the Chief Minister termasuk Menteri Besar. Tetapi saya khawatir dengan adanya Seksyen 10 tadi yang mana perkataan “Menteri Besar” ada dicatitkan bersamaan dengan “the Chief Minister”. Dengan hal yang demikian, boleh ditafsirkan bahawa Clause 4 iaitu Seksyen 36(1) hanyalah kuasa yang ada pada Chief Minister atau Ketua Menteri sahaja dan tidak ada kepada Menteri Besar. Sungguhpun perkara ini apa yang saya nyatakan adalah boleh jadi benar, boleh jadi tidak benar, itu terpulanglah kepada mahkamah untuk menimbangkannya. Tetapi saya hanya suka membuat teguran oleh kerana janganlah kerana perkara-perkara kecil semacam ini yang boleh merosakkan niat baik, tujuan baik dan oleh kerana undang-undang ini begini tepat dan kena pada tempatnya. Itulah sahaja sedikit pandangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada beliau memikirkan perlu atau tidak perkataan “Menteri Besar” ditambah supaya Seksyen 36 berbunyi “the Menteri Besar or the Chief Minister”. Itu hanya pandangan sahaja yang saya suka hendak beri supaya segala-galanya peruntukan di sini baik dan dapat dilaksanakan dan tidak tergendala oleh kerana masalah technicality sepertimana yang telah saya nyatakan tadi.

5.55 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya suka memberi sokongan saya kepada Akta Binatang (Pindaan), 1975 yang bermaksud menggantikan Seksyen 19 dengan Seksyen baru 19.

Dalam pada itu, izinkan saya memberikan pandangan-pandangan saya terhadap beberapa perkara yang melibatkan Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, apa yang saya fikir perlu untuk diberikan perhatian ialah mengenai kekurangan pegawai-pegawai veterinary yang bertugas di dalam Semenanjung Malaysia. Saya mendapat tahu seseorang pegawai itu terpaksa menjaga kawasan-kawasan yang amat luas. Kalaulah keadaan ini dibiarkan begitu sahaja, saya khuatir kerja-kerja mengawasi penyakit binatang-binatang tidak akan dapat dijalankan dengan sempurna. Akibatnya penduduk-penduduk luar bandar dan kampung-kampung yang mengharapkan hasil yang baik dari usaha ternakan kepada mereka tidak akan tercapai dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pegawai-pegawai dari Pejabat Haiwan hendaklah sentiasa membuat lawatan ke kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar yang lain dan bukannya mereka itu menunggu untuk dipanggil, kemudian barulah mereka melawat. Sekiranya sistem melawat dan memberikan rawatan yang sempurna kepada binatang-binatang yang memerlukan rawatan diwujudkan dari sekarang, saya yakin kedudukan ekonomi rakyat luar bandar akan tetap terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenyataan ini, jelaslah kepada kita akan sebab-sebab mengapa perhatian sewajarnya tidak diberikan kepada penternak-penternak di kawasan-kawasan luar bandar. Tidak lain dan tidak bukan ialah kekurangan pegawai-pegawai. Oleh itu, saya syorkan supaya Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang tegas untuk membanyakkan lagi pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Haiwan.

Di sini sukalah saya menyentuh sedikit tentang pegawai-pegawai yang memegang ijazah dalam bidang veterinary. Sejak negara kita merdeka, saya masih melihat perbezaan yang diamalkan oleh Kerajaan terhadap mereka yang memegang ijazah dari Madras Veterinary College dan kolej-kolej dari England. Kepada pemegang-pemegang ijazah dari kolej-kolej dari England, apabila mereka balik ke tanah air mereka akan menjadi pegawai-pegawai Bahagian I tetapi mereka yang lulus dari sebuah negeri Asia pula dilantik sebagai pegawai dalam Bahagian II

sahaja. Saya kurang faham mengapa perkara merendah-merendahkan ijazah sebuah kolej dari negara Asia masih wujud sekarang.

Pada hal Madras Veterinary College adalah sebuah institusi yang terutama, tertua dan terkenal di seluruh dunia kalau dibandingkan dengan kolej-kolej di England yang baru sahaja ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak di antara penuntut-penuntut dari Malaysia yang terdiri daripada orang-orang Melayu, China dan India yang pergi menuntut di sana untuk mendapatkan ijazah dari Madras Veterinary College. Tetapi malangnya, apabila mereka balik berkhidmat mereka hanya dilantik sebagai pegawai Division II sahaja. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan perkara ini hendaklah diberikan perhatian yang serious supaya prejudice yang ditinggalkan oleh penjajah itu dapat dihapuskan, supaya perubahan-perubahan yang diharapkan itu akan dapat memberi semangat yang lebih kuat kepada anak-anak muda kita berlumba-lumba menuntut dan mendapatkan ijazah di bidang veterinary yang mana akhirnya akan dapat menampung keperluan-keperluan yang mendesak.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya, terima kasih.

6.01 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya tertarik hati kepada Huraian Rang Undang-undang ini iaitu Fasal (4) dan Fasal (5).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal (4) (a) berbunyi:

“(4) (a) untuk memberikuasa kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri melalui perintah mengisytiharkan Negerinya atau mana-mana bahagiannya sebagai kawasan penyakit berjangkit . . .”

Apa yang hendak saya sebutkan di sini ialah supaya masalah seperti ini iaitu kejadian penyakit berjangkit binatang-binatang ini terjadi di kawasan di antara dua negeri di dalam negara kita, yang terjadi di sempadan kedua-dua negeri tersebut. Kalau tidak ada kerjasama di antara Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri

yang berkenaan mungkin salah sebuah negeri sahaja akan mengambil keputusan mengisytiharkan kawasan itu kawasan berjangkit, dan yang sebuah negeri lagi tidak berbuat demikian. Oleh sebab itu, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri jika ada kejadian-kejadian seperti ini berlaku di sempadan iaitu di antara dua buah negeri hendaklah diisytiharkan kawasan ini kawasan penyakit berjangkit supaya tidaklah salah sebuah negeri sahaja yang mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang berat dan sebuah negeri lagi tidak mengambil tindakan yang sama.

“Fasal (5) bertujuan untuk memberikuasa kepada Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri menetapkan bayaran bagi mengeluarkan lesen pergerakan atau penyembelihan binatang d.l.l.”

Tuan Yang di-Pertua, jika kuasa-kuasa ini tidak dikawal oleh Kementerian mungkin ada negeri-negeri yang menetapkan bayarannya sendiri dan tidak seimbang atau tidak sama dengan negeri-negeri lain di dalam Malaysia ini. Oleh sebab itu, saya menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengambil perhatian tidak ada perbezaan tentang bayaran bagi mengeluarkan lesen pergerakan atau penyembelihan binatang dan lain-lain di antara satu negeri dengan satu negeri.

6.04 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi. Di sini saya minta izin memberi sedikit pandangan saya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill will help to encourage the growth of a healthy livestock industry in our country. We know that our country is still fairly thinly populated especially in the rural areas and, therefore, there is plenty of space for the development of a thriving livestock industry which will bring great benefits to our country especially if this can develop into an export-orientated industry.

In this modern, scientific and health-conscious age, the demands of the people both within and outside the country are very exacting and nothing less than the best ought to be produced to satisfy these demands. In addition, I hope the high standard demanded

by the Government in the rearing of animals for human consumption will also lead to the development of a canning industry in meats of all kinds. In this connection, I hope the Government will do all it can to promote the food canning industry and to make sure that our canned food can compare and compete favourably with those of more advanced countries. However, I hope that in the implementation of this law when the Bill is finally passed, care and caution must be taken and restraints exercised where cattle and pigs are concerned. This is because in this plural society of ours, we have Hindus and Muslims and any careless exercise of powers conferred by the new law may lead to misunderstandings.

Mr Speaker, Sir, coming to the details of the new Bill, I have only these to say, that is Section 4 (8) which provides the “No compensation shall be payable for any animal, bird or carcase destroyed or seized under this section”. I hope the Minister concerned will, in future, amend this provision into something like this—“except in deserving cases and in cases where the authorities consider fair and just, no compensation shall be payable”. In other words, there may be deserving cases, there may be cases which may be fair and just to pay compensation for animals destroyed or seized. Thank you very much.

6.08 ptg.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang berkenaan yang nampaknya begitu sedar berkenaan masalah binatang di negara kita samada dari segi pembawa penyakit-berjangkit dan pemeliharaannya. Agaknya selama ini tidak ada undang-undang yang begitu ketat seperti yang dibuat sekarang bagi menjaga atau mengawal binatang ini, barangkali dengan kerana itu kita nampak kadang-kadang penyakit binatang mudah berjangkit ke negara kita dan binatang-binatang yang berkeliaran nampaknya tidak dikawal. Jadi, di sini baharu dimasukkan Fasal (4), iaini hendak mengawal binatang-binatang yang berkeliaran. Saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan nampaknya di negara kita ini satu daripada penyakit binatang ialah binatang berkeliaran yang tidak dikawal

dan tidak diketahui siapa yang punya seperti lembu, kambing, kerbau yang boleh mengotorkan bandar dan jalanraya kita. Tetapi selama ini nampaknya tidak bertindak. Tuan-tuannya tentulah tidak mengaku apabila ditangkap, tetapi pihak yang berkuasa haruslah bertindak sekurang-kurangnya dapat juga binatang itu disembelih bagi membanyakkan daging di pasar. Kalau tuannya tidak mengaku, Kerajaan bawa binatang itu ke tempat sembelih dan disembelih dia.

Yang keduanya, saya suka menarik perhatian iaitu bukan sahaja kita kawal dari segi penyakit binatang ataupun penyembelihan binatang, termasuk impot dan ekspot binatang, tetapi penyembelihan binatang di tanahair kita sendiri. Kita harus sedar negara kita penduduknya ada yang beragama Islam dan ada yang tidak beragama Islam. Orang yang beragama Islam ada binatang yang haram iaitu babi. Jadi, di sini pernah berlaku di tanahair kita orang-orang yang memelihara babi dekat dengan kampung orang yang mengharamkan babi, sehinggakan boleh menjadi pergaduhan kaum. Pernah terjadi di kampung oleh sebab kita tidak membatasi, mengawal cara bagaimana pemeliharaan babi itu boleh dipelihara oleh orang kita di luar bandar. Di kampung yang macammana? Barangkali tempat yang ramai orang China, yang terasing dari kampung orang Melayu, harus dibenarkan. Tetapi apabila orang China duduk berhampiran dengan kampung orang Melayu mestilah ada undang-undang mengawal supaya mereka tidak boleh memelihara babi dengan tidak dikawal, kerana babi itu berkeliaran masuk ke kawasan kampung orang Melayu. Masuk ke bawah rumah orang Melayu, masuk ke sawah padi orang Melayu dan orang Melayu apabila tengok babi mereka marah dan mudah membawa parang. Bukan mereka hendak menetak orang—tidak, mereka hendak menetak babi. Jadi di sini patut Kerajaan mengambil perhatian cara pemeliharaan yang tidak dikawal seperti ini boleh membahayakan kehidupan kaum kita di kampung-kampung terutama sekali di luarbandar. Sekalipun barangkali dikawal dan dipagar, tetapi oleh sebab bawanya yang tidak begitu menyenangkan pun boleh menjadikan risau atau boleh menjadikan dukacita dan boleh menjadikan perkara yang tidak diinginkan berlaku antara penduduk di situ oleh sebab mereka mencium bau yang busuk daripada pembelaan babi tadi yang menyebabkan mereka tidak senang hati. Ini juga patut dikawal.

Tetapi bagi binatang yang tidak ada kena-mengena dengan haram umpamanya ayam dan itek itu tidaklah menjadi kesusahan bagi kita. Selama ini saya nampak ada pernah terjadi bagi orang-orang China yang duduk berhampiran dengan kampung Melayu mereka memelihara babi. Apabila dilarang oleh orang Melayu di situ yang babi ini tidak boleh dipelihara sebab babi awak masuk ke dalam kampung kami. Apa mereka kata, tidak ada undang-undang menegah kami daripada memelihara babi. Kami akan; kami jual. Kerajaan galakkan membanyakkan daging tetapi perbuatan yang seperti itu tidak senang kepada masyarakat dari segi harmoni kaum walaupun perkara itu boleh memberi faedah kepada satu kaum yang lain. Dan pernah terjadi di satu negeri, tidak payah saya sebutkan, bahawa sampai kepada pihak yang di atas sampai hendak menjadi pergaduhan, sebab babi itu masuk dalam sawah orang Melayu. Di sini saya minta Kementerian yang berkenaan kalau sekiranya tidak ada undang-undang itu di sini harus difikirkan satu lagi pindaan yang lain bagi menyekat mengadakan satu peraturan yang khusus bagaimana babi itu boleh dipelihara oleh orang-orang yang berkenaan di kawasan yang seperti mana, kawasan yang khusus untuk mereka, yang jauh daripada kawasan-kawasan orang Melayu yang tidak terlibat dengan bau busuk, yang tidak terlibat dengan berkeliaran, yang tidak terlibat dengan pergaduhan. Saya harap perkara ini mendapat perhatian daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

6.13 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan adanya kegiatan dan galakan daripada Kerajaan untuk rakyat terutama sekali di luarbandar bagi melebihi usaha-usaha mereka di dalam penternakan dan sebagainya, maka patut sangatlah Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan disokong oleh kita semua. Saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini bukan sahaja satu cara untuk melindungi penyakit-penyakit daripada merebak daripada binatang-binatang ke binatang ataupun daripada haiwan ke haiwan, tetapi juga manusia ke binatang ataupun manusia kepada haiwan, mergastua dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga hendak membawa kepada perhatian Kementerian yang berkenaan beberapa perkara supaya implementasi. Undang-undang ini dapat dijalankan dengan semua pihak berasa senang hati. Kalau ada di dalam Rang Undang-undang ini menyebutkan haiwan ataupun binatang, saya anggap anjing juga ialah binatang ataupun haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali kita di masa dalam perjalanan dan sebagainya kita melihat di tepi-tepi jalan anjing yang telah digelek oleh kereta. Anjing yang telah digelek oleh kereta dibiarkan beberapa hari sehingga busuk di tepi jalan, tidak ada siapa pun yang mengambil peduli hendak menanam dan sebagainya. Kadang-kadang kita dengan perasaan penuh dengan civic consciousness kita pergi menghubungi Jabatan Haiwan, maka Jabatan Haiwan mengatakan itu bukan tanggungjawabnya, disuruh pergi pula ke pihak J.K.R., J.K.R. mengatakan, maaf, ini bukan tanggungjawabnya. Pergi pula kepada Jabatan Kesihatan dan sebagainya. Jadi cerita oh! bangau, oh! bangau! itu di ulang-ulang sehinggalah bangkai anjing itu menjadi busuk, boleh jadi mendatangkan penyakit. Kalau anjing itu mengidap penyakit anjing gila sebelum ia di langgar—apa akan jadi. Jadi, inilah pihak yang berkenaan di harap mengambil perhatian supaya menentukan sesiapa yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan anjing-anjing yang telah mati digelek di jalan-jalan raya itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di luar bandar biasanya ada rancangan-rancangan memberi lembu ataupun dipanggil dengan nama lembu pawah kepada penduduk-penduduk di luarbandar. Ada kalanya apabila lembu pawah ini sakit maka hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Haiwan, maka sibuklah Pegawai-pegawai Haiwan datang. Kalau mati pula lembu itu maka dibuat post-mortem, dibelah, diambil jantungnya, diambil pertunya, diambil limpanya, apa-apa perkakas-perkakas yang mustahak semua diambil kononnya untuk disiasat. Sungguhpun penyakit itu belum tahu, entah sakit-berjangkit, atau sakit perut kembung, anginkah, dia tidak peduli. Dan apa yang mendukacitakan, 6 bulan belum dapat tahu lagi keputusan post-mortem ini, samada sakit jantung, samada high blood pressure, kita tidak tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini adakah kejadian Yang Berhormat syaksikan atau cerita sahaja?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya suka tekankan di sini kepada Kementerian yang berkenaan, biarlah masa post-mortem itu dibuat dan keputusannya lekas disampaikan, kerana petani-petani mengharapkan sangat supaya kalau sudah ditentukan, maka dapatlah perlindungan cara-cara, jalan-jalan, di mana penyakit ini dapat dicegah daripada menjangkit kepada lembu-lembu yang lain itu diambil tindakan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Rang Undang-undang ini memanglah baik tetapi kerana negara kita masih juga berkehendakkan daging-daging diimpot, maka janganlah pula nanti dengan adanya kuatkuasa Rang Undang-undang ini pihak-pihak yang berkenaan, terutama sekali Jabatan Haiwan mengetatkan sangat peniaga-peniaga yang membuat perniagaan mengimpot lembu, kambing dan ayam daripada negara-negara luar walaupun ada surat-surat ataupun daripada Jabatan-jabatan Haiwan luar negeri yang mengesahkan bahawa binatang-binatang dan ayam-ayam ini memang tidak mengidap apa-apa penyakit yang merbahaya. Jadi, kalau dapat kerjasama daripada Jabatan Haiwan untuk menggunakan kebijaksanaan supaya jangan cuba sangat strict di dalam perkara-perkara ini, maka tidaklah nanti terlibat merebak kesusahan kepada peniaga-peniaga.

Teguran saya yang keempat ialah berkenaan dengan kawasan kurungan (quarantine). Quarantine ini hendaklah diadakan bukan sahaja di tempat-tempat yang besar seperti di Pulau Pinang dan sebagainya, tetapi juga di peringkat-peringkat daerah. Kalau di peringkat daerah buatlah secara kecil-kecil, janganlah besar-besar sangat supaya memudahkan kalau ada penyakit berjangkit ini boleh kita ubati, jangan asal sakit sahaja disembeleh dan dibunuh binatang itu. Sebolehnya diubati maka ditaruhkan binatang-binatang itu di dalam quarantine di peringkat daerah itu dan dapatlah pegawai haiwan ini memperbaiki ataupun mengubati binatang-binatang itu supaya dapat balik dibela oleh petani-petani di luar bandar.

Satu perkara lagi saya suka Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berat sedikit ialah berkenaan dengan anjing gila iaitu masa buruh-buruh daripada Jabatan Haiwan hendak menembak anjing kerana ada di kawasan-kawasan itu penyakit anjing gila ataupun penyakit-penyakit yang lain. Anjing ataupun binatang sebagaimana telah dikatakan tadi ialah sejenis makhluk Tuhan yang tidak tahu bercakap. Anjing diberi lesen dan setelah diberi lesen bolehlah dia bebas dan dapat perlindungan sedikit daripada orang-orang yang menembak ini, tetapi lesen ini hanya satu benda yang kecil, ada kalanya ia hilang, tercicir semasa dia bergaduh dan sebagainya. Masa ada penyakit-penyakit ini, apa yang saya selalu disaksikan ialah orang-orang yang menembak anjing ini dia tidak menggunakan sedikit pun kebijaksanaannya. Ada sahaja anjing tidak berlesen ditembak. Kadang-kadang anjing pedigree. Anjing pedigree ini maknanya barangkali Pejabat Haiwan tahu iaitu anjing yang ada keturunan pun ditembak. Pada hal anjing itu kita lihat sihat, bulunya berkilat, bermakna dia tidak sakit. Tetapi oleh kerana tidak ada lesen kerana tempat itu tempat kawasan berpenyakit maka ditembak secara begitu sahaja.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di dalam undang-undang ini juga ada beberapa clause memperhentikan itu dan ini, macam-macam prohibit, impose conditions as to the cleansing and disinfection of market places, slaughter houses dan lain-lain lagi. Saya fikir ada satu dua loop-hole yang barangkali boleh orang nanti mencabar pihak-pihak yang berkenaan, samada saya terlangkah barangkali tidak tahulah. Tetapi ada kalanya tuan-tuan punya anjing ataupun ternakan-ternakan terutama anjing yang kecil-kecil yang comel-comel dibawa tidur di tempat tidurnya. Ada. Jadi, kalaulah pihak yang berkenaan mengatakan binatang itu sakit maka dan mesti diambil, nanti dia berkata apa undang-undang yang tuan hendak merampas hak saya jika disimpan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada tempat tidur siapa dibawanya?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Dalam rumah dan sebagainya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bawa ke tempat tidur siapa?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tempat tidur dia sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, bagaimana pegawai boleh pergi ke tempat itu?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Itulah dia. Jadi, susahlah pegawai itu. Pada hal ini penyakit. Dengan sebab itu, saya nasihatkan supaya loop-hole yang kita fikir ada itu ditutup sedikit supaya biar pun di tempat tidur dibawanya dapat juga diambil dan ditangkap binatang-binatang yang disyaki berpenyakit itu. Pada keseluruhannya, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan atas bijaksana mengemukakan Rang Undang-undang ini.

6.25 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini, Rang Undang-undang yang memberikan kuasa kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam menjalankan tugas-tugas dan saya percaya Rang Undang-undang yang dibuat dan akan dilulus dalam Dewan ini semuanya untuk kebaikan dan kesenangan rakyat. Saya menarik perhatian kepada pihak Kementerian yang berkenaan dalam huraian yang tersebut dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Ordinan Binatang Tahun, 1953 bagi memberi kuasa-kuasa yang lebih luas kepada pihak berkuasa Dewan untuk mencegah, mengawal dan menghapuskan penyakit.

Di dalam Negeri Kedah kuasa-kuasa di masa yang telah lalu diberi juga bukan sahaja kepada pihak-pihak yang tersebut, tetapi telah menjadi satu tradisi diberi kuasa kepada penghulu-penghulu di mukim-mukim sebabnya ternakan-ternakan ini ialah dibela oleh orang-orang kampung ataupun orang-orang luarbandar. Oleh kerana barangkali untuk mengetatkan undang-undang berkenaan dengan pembelaan dan membiakkan ternakan ini, maka pihak Kerajaan telah mengadakan satu undang-undang yang ketat supaya ternakan-ternakan ini dijaga dengan rapinya oleh pihak-pihak yang tertentu yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai ijazah dan pelajaran dalam bidang ternakan dan kawalan ini. Jadi dengan sebab itu kuasa penghulu campur tangan dalam hal haiwan ini telah ditarik balik.

Saya tidak tahu dalam negeri lain, tetapi dalam Negeri Kedah kuasa penghulu untuk memberi kuasa dalam penyembelihan dan lain-lain telah ditarik balik.

Saya membawakan perkara ini ialah kerana Dewan ini semuanya membuat Rang Undang-undang untuk kemudahan rakyat, untuk kesenangan rakyat, untuk memenuhi hasrat dan kehendak rakyat dan dengan kerana itulah saya rasa telah sampai masanya pihak Kementerian ini menimbangankan dengan saksama dan sebaik-baiknya iaitu kuasa-kuasa patut diberi kepada penghulu-penghulu mukim yang telah banyak memainkan peranan di masa yang telah lalu menolong pihak-pihak pegawai haiwan dan Kementerian ini dalam hal menjalankan usaha-usaha pembiakan dan penjagaan, pemeliharaan haiwan dalam negara kita ini. Kalau dahulu usaha ataupun kerja-kerja penghulu ini dipandang dengan baik tetapi mengapa pada hari ini penghulu-penghulu itu tidak dapat disalurkan dengan pengalamanan untuk diberi latihan dalam tugas sekarang ini. Kalau penghulu-penghulu ini diberi kursus-kursus dan sebagainya, maka tentu penghulu-penghulu ini juga dapat diberikan kuasa untuk menjalankan pengawalan dan kuasa-kuasa untuk memberi kebenaran penyembelihan dan lain-lain. Kadangkala dalam masa keadaan-keadaan hari raya, kenduri-kendara di kampung bukan main jauh untuk rakyat di kampung, di ulu-ulu negeri, di pelusuk cerok datang untuk keluar ke kampung mendapatkan kebenaran untuk penyembelihan kerbau lembu ini. Kepayahan ini disuarakan oleh rakyat, selama Kerajaan kita dipilih, semakin kami susah; semakin kami ditindih; kami memilih Kerajaan, Kerajaan yang boleh menolong rakyat tetapi rakyat ditekan, rakyat ditindih. Ini cakap-cakap orang-orang kampung, cakap-cakap pengundi kita yang telah mengundi Kerajaan pada hari ini.

Undang-undang ini kalau dapat dilonggarkan supaya kuasa-kuasa ini diberikan kepada penghulu-penghulu yang dapat menolong kerja pegawai haiwan atau pegawai ternakan dalam usaha-usaha untuk hendak memperbaiki keadaan undang-undang ini dijalankan. Bukan hanya semata-mata kebaikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan atau Kementerian Kerajaan menjalankan tugas-tugasnya tetapi hendaklah dari segi kebaikan rakyat, kebaikan untuk kesenangan

rakyat, kemudahan rakyat. Jadi itulah sahaja harapan saya supaya perkara ini dapat ditimbangankan dengan saksama, dengan seadil-adilnya, dengan sedalam-dalamnya untuk memikirkan berkenaan dengan hal-hal penduduk di luar bandar yang sangat-sangat mengharapkan perkara ini dapat diatasi.

PENANGGUHAN

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

PEMAJU PERUMAHAN SWASTA

6.31 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I would like to bring to the attention of this House a matter of grave and urgent importance which requires the immediate consideration of this House and prompt action on the part of the Honourable Minister of Housing and New Villages.

I am referring to the development of housing estates by housing developers for sale of houses to members of the public. These schemes are governed by the Housing Developers (Control and Licensing) Act, 1966 and the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, 1970.

Parliament has deemed it fit to codify elaborate rules by which the developers are to be governed in the development and sale of these houses to the public and the terms and conditions under which they are to be sold.

Sir, it is indeed disturbing to note the number of developers who are flouting these rules with no regard at all to the law. The breaches committed by the developers are so rampant that evidence of it can be seen in what is happening in most of these schemes where there are no proper roads, no proper drains, clogged up drains, collapsed walls, narrow roads, etc.

Our newspapers have been carrying many articles of the atrocities being committed by the developers at the expense of the public.

Due to the non-compliance of the developers to the approved plans, the Municipal Authorities have refused to take over certain housing schemes which have thus remained for years as private areas and with no proper facilities such as street lights, proper roads, sanitation, etc. The result is that the area surrounding these houses are overgrown with grass, etc., drains have collapsed, roads have not been maintained and the area has all the appearance of a slum.

No attempt seems to have been made by the Honourable Minister for Housing and New Villages whose Ministry is charged with the responsibility of seeing that the law is complied with.

The Housing Developers (Control and Licensing) Act, 1966 and the rules thereunder have defined the offences and the penalties for non-compliance with the Rules. The Honourable Minister has grossly failed in his duties by failing to check and bring to book these culprits who are swindling and cheating the innocent and helpless members of the public in open defiance of the law.

I am indeed inclined to conclude that this custodian of the law on whom the duty and responsibility of safe-guarding the interest of members of the public has been placed, is playing hand in glove with the so-called developers who are cheating the public and the Government left, right and centre by their non-compliance to the Rules. It seems so evident that the Honourable Minister by turning a deaf ear to the numerous breaches that are being committed is equally guilty as the fraudulent developers.

Sir, despite the numerous complaints to the Honourable Minister from the purchasers and the observations of the Press in the newspapers, I have to this day not heard of any developer being taken to task by the Minister. I challenge the Honourable Minister to disclose to the House the number of complaints he has received and the number of developers against whom action has been taken and the outcome.

I have on the 5th March, 1975 lodged with the Honourable Minister for Housing and New Villages a detailed record running into 166 pages containing the numerous

breaches of the law committed by a developer, namely Venkateswara Sdn. Bhd. who is developing a housing estate called Taynton View, at 6th mile Jalan Cheras, Kuala Lumpur in my Constituency of Sungei Besi.

The developer has committed no less than a dozen breaches of the Law, namely:

- (a) Collecting deposits from purchasers far in excess of the sum permitted by law, contrary to Section 10 of the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, 1970.
- (b) Selling lots of land which are subject to encumbrances contrary to Section 12 (b) of the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, 1970.
- (c) Collecting progress payments far in excess of the scheme of payments prescribed in Schedule C, contrary to Section 12 (e) of the Housing Developers (Control and Licensing) Rules 1970.
- (d) Failing to follow the approved lay-out plan for the scheme, contrary to Section 12 (f) of the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, 1970.
- (e) Failing to deliver the vacant possession of the houses within 18 months after the date of signing of the contract of sale contrary to Section 12 (o) of the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, 1970.
- (f) Failing to indemnify the purchasers for the four to five years delay in the delivery of vacant possession of the houses. The amount of indemnity shall be calculated from day to day at the rate of not less than 8% per annum of the purchase price commencing immediately after the date of delivery of vacant possession specified in the contract of sale.

Most of the contracts were signed on or before 1970 and delivery of the houses were to be made within one year of signing the contract.

To-date the developer has failed to deliver vacant possession although they have collected a lot of money from the purchasers. The developer must therefore indemnify the purchasers at the rate of 8% per annum of the purchase price for each year of delay.

They have failed to deliver the houses and have failed to indemnify the purchasers, thus committing a breach of Section 12 (r) of the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, 1970.

These are just few of the breaches of the laws committed by the developer.

Although I pointed out all these breaches to the Honourable Minister and although I submitted photo-copied proof of the swindling and cheating of this developer numbering 166 pages—this is the Memorandum, Sir—calling on the Minister to investigate into the affairs of Venkateswara Sdn. Bhd., the Honourable Minister has to-date failed to do anything, except acknowledging receipt of my Memorandum which cost me at least \$100 to prepare besides doing all the investigations which took me nearly two months.

Despite my exposure of fraud and deceit of the developer, nothing has been done to-date. The Honourable Minister has grossly failed in his duty to the Government and to the public and by his silence has condoned the criminal acts of the developer. It would appear to me that we are casting pearls before a swine and the Honourable Minister is just as guilty as the fraudulent developer.

I would therefore call on the Prime Minister to request the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong to appoint a Royal Commission to look into the fraud, deceit and criminal acts of Venkateswara Sdn. Bhd. and punish the culprits in accordance with the law.

Mr Speaker, Sir, justice must not only be done but also seen to be done. The criminal must be punished and the innocent purchaser protected.

6.40 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya sukalah menyatakan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah salah satu daripada perkara-perkara yang dianggap penting oleh Kerajaan dan pihak Kerajaan mengambil tindakan sedaya-upaya bagi mengawasi semua pemaju-pemaju perumahan swasta agar mereka mematuhi undang-undang; samada undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen ataupun oleh Dewan-dewan Undangan Negeri.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemajuan perumahan adalah melibatkan berbagai-bagai kuasa termasuk Kementerian saya dan juga penguasa-penguasa tanah di peringkat negeri dan daerah serta Majlis-majlis Tempatan. Di samping menguatkuasakan undang-undang yang diujudkan di peringkat Persekutuan dan Negeri ke atas projek-projek perumahan swasta, adalah penting juga kedua-dua pihak, iaitu pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli, mengetahui undang-undang mana yang perlu rujuk apabila menghadapi sesuatu masalah.

Menyedari bahawa kedua-dua pihak itu akan menghadapi masalah terhadap berbagai-bagai undang-undang yang berkenaan, maka Kementerian saya sedang berusaha mengujudkan sebuah Unit Khidmat Penasihat di samping menguatkuasakan lagi bahagian penguatkuasa. Unit khidmat Penasihat itu dimaksudkan untuk memberi bantuan maklumat dan menasihati pihak orang ramai, yang bercadang membeli rumah-rumah daripada projek-projek perumahan swasta, serta mengemukakan masalah-masalah mereka tepat kepada pihak-pihak yang berkenaan apabila mereka menghadapi masalah Undang-undang.

Adalah penting bagi bakal-bakal pembeli supaya memahami kehendak-kehendak undang-undang. Di antaranya ialah undang-undang mengenai Pejabat-pejabat Tanah dan Majlis-majlis Tempatan kerana kebanyakan daripada kehendak-kehendak perancangan dan pembinaan rumah-rumah di dalam sesuatu projek perumahan adalah di bawah kuasa salah satu daripada pejabat-pejabat tadi dan tidak harus dikelirukan dengan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Pengawal Perumahan di Kementerian saya.

Adapun tugas Pengawal Perumahan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Mengawal dan Melesen), 1966 ialah mengawal tanduk dan perniagaan tiap-tiap pemaju perumahan yang diberi lesen di bawah Akta tersebut. Kementerian saya telah menghubungi beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mendapatkan kerjasama mereka supaya peranan Pengawal Perumahan dan tindakan menguatkuasakan undang-undang diperkuatkan dan dengan itu kepentingan bakal-bakal pembeli-pembeli akan dapat dilindungi daripada pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab. Suka saya menyatakan bahawa beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri

itu telah membenarkan pegawai-pegawai mereka dilantik sebagai Merinyu (Inspector) di bawah Seksyen 4, Akta tersebut.

Langkah seperti itu adalah perlu oleh kerana bilangan pemaju-pemaju perumahan yang berlesen sekarang meningkat melebihi 600 dan masaalah-masaalah yang timbul adalah lebih kompleks. Pada masa-masa yang lampau ada di antara pemaju-pemaju perumahan yang telah dikawal rapi kerana telah melakukan sesuatu perniagaan secara tidak bertanggungjawab. Ada di antara mereka yang telah diminta menerangkan mengapa lesen-lesen mereka tidak harus digantung ataupun ditarik balik. Kebanyakan daripada mereka telah insaf dan sekarang menjalankan perniagaan mereka dengan penuh tanggungjawab sebagai dikehendaki oleh undang-undang. Mana yang degil akan dihadapkan ke mahkamah.

Dalam hal ini saya suka lah menyentuh mengenai apa yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan lapuran dan juga masaalah yang berbangkit dengan Taynton View. Menurut sepanjang yang diketahui oleh Kementerian ini bahawa masaalah ini adalah suatu masaalah yang berbangkit dalam mana perkara ini berlaku wujudnya Wilayah Persekutuan. Dalam pada itu pihak Kementerian ini sedang mengambil tindakan yang tegas dan sedang menjalankan penyiasatan tentang perkara ini.

Dalam soal ini saya telah menggesa pemaju-pemaju perumahan yang bertanggungjawab menerusi Persatuan-persatuan mereka agar mereka menyatakan perasaan benci dan mengeji mana-mana pemaju perumahan yang menyalahgunakan lesen perniagaan mereka untuk faedah mereka sendiri tanpa menghiraukan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang dan mengambil kesempatan mengabaikan kepentingan pembeli-pembeli.

Sekiranya kedua-dua pihak—pemaju perumahan dan pembeli-pembeli mematuhi kehendak-kehendak undang-undang, penyelewengan terhadap perusahaan perumahan

tidak akan timbul. Andainya timbul salah-faham maka Kementerian saya boleh menolong mereka mengatasi kerumitan-kerumitan itu. Yang sebenarnya, di masa yang lampau kebanyakan daripada aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian saya terhadap penyelewengan pemaju-pemaju perumahan telah dapat diselesaikan dengan sempurna kerana kebanyakan daripada aduan-aduan itu adalah berbangkit daripada salah-faham.

Dalam kes-kes di mana pemaju-pemaju perumahan tiada sanggup untuk bertolak-ansur bagi menyelesaikan aduan-aduan daripada pembeli-pembeli dan setelah penyiasatan dilakukan oleh Kementerian saya, tindakan sewajarnya menurut undang-undang akan diambil.

Salah-faham di antara pihak pembeli dengan pemaju-pemaju perumahan sebagai yang saya sebutkan tadi lazimnya berbangkit oleh kerana kehendak undang-undang tidak dipatuhi ataupun setelah dimasukkan di dalam kontrek-kontrek penjualan tidak ditepati. Undang-undang telah menetapkan iaitu tiap-tiap kontrek yang ditandatangani di antara pemaju perumahan dan pembeli hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 21 syarat dan ada kaitannya dengan keperluan-keperluan Majlis Tempatan, undang-undang tanah (Kanun Tanah Negara) dan juga undang-undang mengenai piawaian atas bahan-bahan yang digunakan di dalam pembinaan perumahan yang berkenaan. Jika aduan-aduan diterima dalam jangka masa yang sewajarnya maka salah satu daripada kuasa-kuasa yang berkenaan, samada di Kementerian saya atau di Pejabat Tanah atau di Dewan Bandaraya atau di Majlis-majlis Tempatan boleh mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang melanggar syarat-syarat undang-undang ataupun perkara-perkara yang telah dipersetujui di dalam kontrek penjualan.

Adalah nyata bahawa tiap-tiap pihak yang berkenaan itu ada mempunyai tanggungjawab masing-masing dan saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat

bahawa pihak Kerajaan akan mengendalikan tugasnya dan mengawasi pemaju-pemaju perumahan swasta dengan teliti dan dengan itu pihak pembeli-pembeli akan dilindungi daripada pemaju-pemaju swasta yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya dan sentiasa menjaga keutuhan undang-undang yang mengikut semua pihak di dalam urusan-niaga perumahan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.